

Jilid III
Bil. 55



Hari Rabu
1hb Disember, 1993

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10541]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 25 [Ruangan 10572]

Maksud B. 26 dan B. 27 [Ruangan 10608]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1994

Jawatankuasa—

Maksud P. 25 [Ruangan 10572]

Maksud P. 26 dan P. 27 [Ruangan 10608]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1997

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU
HARUN, S.M.N. S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L.,
K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

Yang Berhormat DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Shah Alam).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

Yang Berhormat TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha : Haji Tajjadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
- Supiah binti Dewak.
- Ismail bin Haji Hassan.
- Hajah Kalsom binti Ghazali.
- Mohamed bin Osman.
- Norishah binti Mohd. Thani.
- Zaharah binti Naim.
- Su Soon Chuan.
- Norwahidah binti Azizi.
- Rozita binti Abd. Samad.
- Jainah binti Sakimin.
- Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 1hb. Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BANTUAN BULANAN KEPADA
WARGA TUA — MENINGKATKAN
JUMLAH**

1. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) mengapa bantuan sebanyak RM50 sebulan kepada orang tua yang memerlukan pertolongan, bermula dari 1977 tidak berubah, sedangkan kos sara hidup telah meningkat berlipat ganda. Apakah rancangan Kementerian untuk mempertingkatkan kadar bantuan ini; dan
- (b) berapa ramai orang tua yang menerima bantuan ini semenjak beberapa tahun kebelakangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sedar bahawa kadar bantuan untuk warga tua yang daif pada masa ini sebanyak RM50 sebulan itu tidak seimbang

dengan kos sara hidup pada masa ini. Menyedari keadaan itu, Kementerian saya telah pun mengkaji menaikkan kadar tersebut dan ianya masih di dalam peringkat pertimbangan.

- (b) Bilangan orang tua yang menerima bantuan sejak tahun 1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Orang</i>
1990	10,262
1991	9,828
1992	9,318

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, nilai kita sebagai orang Asia adalah untuk hormat dan selalu menjaga orang tua dan bilangan orang tua yang menerima bantuan dari Kementerannya adalah jelas tidak cukup. Orang tua yang sudah menyumbang kepada pembangunan negara kita pada awal sejarah Malaysia ini sekarang sudah tua pun mereka kadangkala dalam keadaan yang teruk oleh sebab fakta-fakta peribadi mereka. Maka, saya tidak faham kenapa sudah begitu lama amaun bantuan wang ini masih belum dikaji semula. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi satu jangkaan bilakah cadangan untuk menaikkan jumlah bantuan wang ini akan dilaksanakan dan berapakah sudah dicadangkan, adakah sehingga RM100, RM200 ataupun RM300.

Soalan yang kedua, saya minta maaf sebab saya memang mahu mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang merupakan seorang Ahli Parlimen yang menjadi jiran saya di Sarawak dan beliau pun pandai, tetapi kenapa Timbalan Menteri dan Menteri sendiri kurang datang? *(Ketawa)* Adakah mereka sibuk atau apa halnya? Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang kedua itu tidak bersangkutan, Yang Berhormat. *(Ketawa)*

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, dari segi warganegara atau masyarakat Malaysia, kita memang selalunya menghormati orang-orang tua dan ini memang menjadi satu kebudayaan kita. Dari segi itu, kita tidak mahu juga mengadakan satu keadaan di mana semua orang meletakkan segala beban itu kepada Kerajaan. Jadi, kita hendak mewujudkan satu masyarakat di mana ahli-ahli masyarakat akan menghormati orang-orang tua dan memberi segala bantuan yang diperlukan. Kita juga ada program yang lain di mana kita boleh tolong memberi bantuan kepada orang miskin, seperti Program Pemulihan Rakyat Termiskin.

Mengenai kadar bantuan kepada orang-orang tua ini kita masih mengkajinya. Memang ia akan dinaikkan daripada RM50.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana sudah bersetuju hendak review dan berkemungkinan akan diper-

sudah bersetuju hendak memberi RM100, sebab ini merupakan memorandum dalam pilihanraya mereka dahulu. Adakah mereka sudah laksanakan janji-janji mereka itu?

Yang kedua, selain daripada elaun RM50 sebulan, sudah semestinya selain daripada itu, orang-orang tua ini memerlukan pembelaan lebih daripada sumber kewangan, iaitu satu pembelaan yang Kerajaan buat ialah dari segi rumah untuk orang-orang tua. Kita dengar banyak keluhan bahawa rumah-rumah orang tua ini amat kurang dari segi kelengkapannya, kemudahan-kemudahan asasnya dan juga keadaan bangunannya uzur. Adakah Kerajaan juga akan menimbangkan untuk mempertingkatkan (upgrade) kemudahan-kemudahan di rumah-rumah orang-orang tua ini?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, sampai hari ini saya sudah 3 tahun berkhidmat dalam Kementerian ini saya belum nampaklah Kerajaan Negeri Kelantan sudah naikkan kadar bantuan itu. *(Ketawa)* Belum ada kes dalam tangan kita.

Mengenai soalan yang kedua, bagi kita memelihara dan menghormati warga tua, kita telah pun menetapkan satu hari dalam setahun sebagai 'Hari Warga Tua' di mana kita telah jalankan banyak aktiviti untuk kita memberi penghormatan kepada orang tua. Di samping itu juga, kita ada banyak pusat untuk 'senior citizen' dan mereka boleh berkumpul di pusat ini untuk menghabiskan masa tua mereka dan mereka juga boleh berehat bersekumpulan dengan warga tua yang lain. Saya fikir ini adalah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan.

normat Tuan Lai Lun 1990. --

(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan Lai Lun Tzee tidak hadir)

**PENGIKLANAN "SEXIST" —
ADUAN**

3. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapa banyak aduan yang diterima dari orang awam mengenai pengiklanan sexist setakat ini;
- (b) berapa banyak penyiasatan yang telah dilakukan untuk menyiasat aduan-aduan tersebut; dan
- (c) berapa ramai si pengiklan yang didapati melanggar peraturan pengiklanan dan apakah jenis hukuman yang dikenakan ke atas si pengiklan yang didapati bersalah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bahagian Perdagangan Kementerian Penerangan yang mengendalikan semua bentuk pengiklanan sehingga kini belum menerima sebarang aduan mengenai pengiklanan "sexist".
- (b) Oleh itu, tidak ada penyiasatan yang telah dilakukan dalam hal ini.
- (c) Kementerian Penerangan yang mempunyai kod pengiklanannya sendiri sentiasa mengawalselia bahan-bahan pengiklanan sebelum ianya disiarkan menerusi media radio dan televisyen. Semua bahan-bahan iklan akan ditapis oleh pihak Panel Penapisan Kementerian Penerangan terlebih dahulu sebelum ianya ditapis semula oleh Lembaga Penapisan Filem. Satu-satu iklan akan disiarkan setelah Bahagian Perdagangan mendapat kelulusan

pihak Lembaga Penapisan Filem. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak terdapat sebarang pengiklanan yang melanggar Peraturan Pengiklanan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedang menggubal Dasar Komunikasi Negara yang mana akan mencakupi pengiklanan dalam media cetak dan media elektronik. Panel ini telah mengambil kira pentingnya iklan yang membawa mesej kedua yang memupuk peribadi baik di dalam masyarakat kita, di samping ianya dapat menonjol nilai-nilai positif untuk diteladani oleh masyarakat umum.

Kementerian meyakini bahawasanya dengan penggubalan Dasar Komunikasi Negara, pengiklanan di TV bukan sahaja dapat mempromosi barangan dan perkhidmatan bahkan juga mampu membantu dalam matlamat pencapaian wawasan negara.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, untuk mengetahui apakah pengiklanan sexist. Jadi, saya ingin tanya apakah maksud terminologi "sexist" ini dan macam manakah garis panduan untuk mengetahui apakah "sexist" dan apakah tidak "sexist"?

Yang kedua, adakah tarian yang dibuat oleh Michael Jackson itu sexist atau tidak?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menganggarkan pertanyaan Yang Berhormat bahawasanya sexist ini membayangkan keghairahan yang ada tarikan seksual. Dan sama ada Michael

Jackson itu seksi atau tidak ianya it belongs to the eyes of the beholder. Kalau sekiranya ada orang lelaki yang berminat dengan Michael Jackson, mungkin dia mengatakan sexist. Tetapi pada anggapan Kementerian, ianya tidak.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jelas beliau sendiri tidak faham apa maknanya definisi "sexist". Kalau mengikut beliau, definisi "sexist" adalah seksual, itu jelaslah masalah yang begitu dahsyat ini pasti perlu dikaji dengan lebih mendalam.

Saya juga hairan dengan apa yang dikatakan olehnya mengenai tiada sebarang aduan dibuat kepada Kementerian beliau. Adakah beliau sedar bahawa tiap-tiap isu *Utusan Konsumer* ada memberi contoh-contoh iklan yang sexist yang sepatutnya definisi "sexist" adalah apa yang merendahkan maruah kaum wanita? Kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, begitu jelaslah masalah ini akan berleluasa.

Saya hendak tanya oleh sebab iklan-iklan dalam surat khabar, TV dan pawagam penuh dengan contoh-contoh sexist, bagaimana machinery kawalselia iklan-iklan itu dan adakah satu kod etika wujud dalam Kementerian? Adakah perlu diwujudkan satu

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Perkataan "adakah . . ." itu banyak kali sangat!

Dr. Kua Kia Soong: Bukan, adakah Kementerian sedar?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Sila.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat pun tidak faham . . .

Tuan Yang di-Pertua: Pula!
(Ketawa)

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: tugas Kementerian. Jadi, dia tanya sama ada pawagam di luar dan sebagainya. Tugas Kementerian hanya mengawal apa yang ada dalam televisyen dan radio. Kalau pawagam adalah di bawah kawalan Kementerian yang lain. Jadi, dalam hal pawagam saya tidak dapat hendak jawab. Tadi saya baru membaca dan menjawab soalan bahawasanya Kementerian mempunyai kod etika pengiklanan. Tadi ditanya sama ada, ada atau tidak, jadi saya sukarlah hendak menjawab soalan yang telah dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah maksud Yang Berhormat, sebenarnya pada pandangan Panel Pengiklanan Kementerian ini dan juga kepada Kementerian ini, tidak ada iklan yang mengeksploitasikan sama ada wanita ataupun budak-budak dan sebagainya. Kerana pada pandangan kita, itu adalah perkara yang memang kita dari awal-awal lagi berwaspada berkenaan dengan "the exploitation of women and children in advertising", dengan izin. Tetapi kalau dengan menggunakan wanita dalam iklan itu dikatakan amalan yang merendahkan martabat wanita, ataupun kalau dengan menggunakan kanak-kanak ialah satu exploitation of children, dengan izin, saya rasa, lama-lama orang lelaki pun kita tidak boleh gunakan kerana exploitation of men in advertising, dengan izin. Lain kali, kalau kita hendak iklan apa-apa, pakai kereta Mercedes, kita hantar buruk untuk membawa kereta Mercedes.

**MAKTAB PERGURUAN SARAWAK
— CADANGAN PEMBINAAN**

4. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan pertambahan penduduk yang begitu ramai serta kawasan yang besar dan jaraknya yang begitu luas dan jauh di antara Bandar Bintulu, Mukah, Selangau dan Sibu, adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Maktab Perguruan Sarawak di kawasan tersebut kerana Maktab Perguruan Sarawak di Sibu yang ditubuhkan di kawasan itu dahulu kini telah ditukarkan ke Bahagian Miri, Sarawak.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat tiga buah Maktab Perguruan di Negeri Sarawak yang sedang beroperasi iaitu di Kuching, Bintangor dan Miri. Sebuah lagi akan dibuka pada bulan Disember 1993 ini dengan menggunakan Kampus Universiti Pertanian Malaysia di Bintulu, di samping sebuah lagi yang dirancangkan dibina di Samarahan. Oleh itu, bilangan Maktab Perguruan di Sarawak pada masa ini adalah mencukupi.

**SEKOLAH MENENGAH AGAMA
BERASRAMA PENUH —
PEMBINAAN**

5. Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa buah Sekolah Menengah Agama berasrama penuh yang telah dibina dan akan dibina di seluruh negara; dan
- (b) berikan pecahan mengikut negeri-negeri.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah membina sebanyak 11 buah Sekolah Menengah Agama berasrama penuh dan sebanyak 11 buah lagi akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Pecahan Sekolah Menengah Agama yang dibina mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Pulau Pinang	1
Perlis	—
Melaka	—
Johor	2
Perak	2
Pahang	1
Sarawak	1
Sabah	1
Kedah	1
Selangor	2
Wilayah Persekutuan	1

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana minat begitu tinggi sekarang terhadap Sekolah Menengah Agama atau sekolah aliran agama, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kelas-kelas aliran agama ini di semua sekolah menengah yang ada di Malaysia ini.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya di Sekolah Menengah Kerajaan semuanya ada diajar mata pelajaran Agama Islam termasuk juga pilihan Bahasa Arab. Yang bezanya Sekolah Menengah Agama berasrama penuh ini ialah dengan tambahan Bahasa Arab tinggi dan juga pendidikan Islam tinggi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan sedar bahawasanya mutu pengajaran Bahasa Arab dan pencapaiannya oleh pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Agama ini agak lemah? Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tenaga-tenaga pengajar daripada negara-negara Arab untuk mengajar Bahasa Arab sebagaimana yang Kerajaan telah lakukan untuk mengatasi kelemahan mata pelajaran bahasa Inggeris? Tadi juga pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut tentang berapa jumlah Sekolah Menengah Agama di Kelantan. Kenapa? Dan dalam satu jawapan Menteri Kewangan di Kelantan pada suatu ketika dahulu beliau mengatakan Kerajaan akan mendirikan sebuah "Sekolah Menengah Teknik Agama" di Bachok di mana tapaknya sudah sedia ada. Apakah rancangan itu hanya sekadar satu perancangan oleh Menteri Kewangan ataupun perkara itu telah pun diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat tersilap dengar tadi. Saya hanya sebut sekolah yang sudah ada dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam yang wujud sekarang dan kalau Yang Berhormat ingin tahu, kita akan membina sekolah di Kelantan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang telah diluluskan sepertimana yang telah dijanjikan oleh Menteri Kewangan semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan dahulu.

Yang Berhormat telah menyatakan prestasi pelajar kita dalam pendidikan bahasa Arab adalah lemah. Ini tidak benar sekali. Dalam keputusan-keputusan yang kita nampak di sekolah-sekolah menengah agama dan juga termasuk sekolah asrama penuh kita telah menunjukkan prestasi mereka ini sangat menggalakkan. Kalau kita perlu kepada

bantuan-bantuan tenaga, kita akan mengambil pertimbangan untuk mendapatkan sokongan-sokongan di mana yang dapat, termasuk juga dari luar negeri.

JAWATANKUASA PERUNDING HAL EHWAL WANITA DALAM PEMBANGUNAN — TUJUAN

6. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengenai pengwujudan Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri-negeri. Senaraikan negeri-negeri yang telah menubuhkan Jawatankuasa ini serta keanggotaannya. Jelaskan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita Dalam Pembangunan telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memperkukuhkan hubungan di antara jentera pentadbiran Pusat dengan pentadbiran peringkat Negeri dan Daerah dengan kumpulan-kumpulan wanita di semua peringkat dan memastikan penglibatan wanita dalam semua aspek pembangunan, penggubalan, pengesahan, kajian semula dan penilaian dasar, program dan aktiviti di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di negeri-negeri Johor, Kedah, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Sarawak dan Negeri Sembilan. Keahlian Jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan bukan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan di peringkat Negeri dan individu-individu yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, khususnya dalam usaha-usaha memajukan kaum wanita. Senarai ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini akan dikemukakan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya diperlukan.

Jawatankuasa ini memainkan peranan sebagai satu badan penyelaras bukan Kerajaan yang bertanggungjawab untuk:

- (a) menyalurkan isu-isu pembangunan berkaitan dengan wanita kepada jentera pentadbiran Pusat;
- (b) menerima, menyebarkan maklumat dan memberi bantuan kepada wanita-wanita di peringkat Negeri dan Daerah; dan
- (c) membangkitkan kesedaran, kepekaan dan kefahaman semua pihak mengenai isu kedudukan, peranan serta tanggungjawab dan potensi wanita sebagai sumber tenaga manusia yang dapat menyambung kepada proses pembangunan negara.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah ahli-ahli politik wanita tidak dilibatkan secara automatik di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa ini, sekurang-kurangnya ahli-ahli politik wanita seperti Ahli Parlimen atau ADUN akan memainkan peranan lebih penting di dalam penggubalan dasar-dasar dan sebagainya.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Perunding Bahagian Negeri sememangnya dipengerusikan oleh ahli politik wanita. Sepertimana di Sarawak, Pengerusinya ialah Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Sharifah Mordiah Tuanku Fauzi. Kebanyakan mereka di negeri-negeri, Pengerusinya memang Ahli-ahli Yang Berhormat. Terpulanglah kepada Pengerusinya untuk melantik atau mencadangkan Ahli-ahli Jawatankuasa ini kepada Menteri. Saya fikir ini memang telah dibuat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat lain seperti saya pernah mengendalikan kes-kes seperti rogol, pelacuran dan lain-lain. Kami pun mahu tolong sebab tanggungjawab. Kenapa Ahli Yang Berhormat lelaki seperti saya tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa ini? Ataupun ia akan diberi lebih kuasa dan peruntukan dalam melaksanakan dasar Kerajaan seperti melibatkan diri mereka dalam melaksanakan contohnya Women's Protection Act ataupun Domestic Violence Act akan diadakan, seperti diberi peruntukan dan jawatan serta tanggungjawab untuk menjalankan atau menguruskan hal-hal tersebut, yang paling diperlukan. Ini soalan saya yang pertama.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah gaji Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebab dia selalu menjalankan tugas untuk Timbalan Menteri dan Menteri? (*Ketawa*) Minta maaf, saya bukan mahu frivolous, Kami tiap-tiap hari datang ke sini, susah mahu nampak muka Timbalan Menteri dan Menteri sendiri. Kalau dia sibuk, satu minggu sekalipun boleh, atau satu bulan sekali boleh, saya pun suka hati. Susah mahu nampak mereka. Saya bukan mahu frivolous, tetapi ini satu isu yang hendak dikendalikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan kedua tak payah dijawab.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama tadi, dalam Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita Negeri-negeri memang tidak ada Pengerusi lelaki – ianya ialah Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahmah binti Haji Salleh dari Terengganu. Lagipun terpulanglah kepada Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa ini untuk melantikkan pihak ahli-ahli politik atau orang lelaki di dalam Jawatankuasa ini.

**PEMBANGUNAN KAMPUNG
MENGIKUT HALACARA BARU —
KEJAYAAN**

7. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan setakat manakah kejayaan yang dicapai seperti berikut:

- (a) kampung-kampung halacara baru dan di mana;
- (b) kemudahan infrastruktur; dan
- (c) jalan-jalan kampung yang masih belum dilaksanakan istimewa jalan-jalan untuk pergi bekerja dan membawa hasil keluar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan memperkenalkan satu pendekatan Halacara Baru dalam usaha pembangunan kampung dan desa mulai tahun 1984. Rancangan ini melibatkan tiga aspek penting seperti berikut:

- (i) Kemajuan pertanian dengan mengadakan cara penguasaan perladangan bagi kebun-kebun kecil dan bendang-bendang. Pada keseluruhannya, usaha ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran pertanian, meninggikan pendapatan petani dan menyediakan pekerjaan di bidang bukan pertanian serta memudahkan penyampaian atau penyaluran perkhidmatan-perkhidmatan dan lain-lain prasarana seperti jalan raya, klinik, sekolah pasar dan sebagainya.

- (ii) Pewujudan industri kampung dan perusahaan-perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian. Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah adalah menjadi pusat pertumbuhan yang telah berjaya menempatkan seramai 248,711 orang penduduk. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan ialah ruang niaga bagi menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera bergiat dalam sektor industri. Secara keseluruhannya, LKW telah membina sebanyak 1,026 unit ruang niaga. Dari segi bilangan peniaga pula, seramai 744 orang telah mendapat faedah dari program ini.

- (iii) Pengelompokan dan penyusunan semula kampung-kampung secara teratur untuk mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan yang baru. Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) telah berjaya menempatkan 248,711 penduduk dan membina 29,102 unit pelbagai jenis-jenis rumah.

Pendapatan masyarakat luar bandar telah juga meningkat. Sebagai contohnya, peneroka FELDA telah pun menerima pendapatan bersih:

<i>Pendapatan bersih Peneroka sebulan</i>	<i>1991 (RM)</i>	<i>1992 (RM)</i>	<i>1993 (RM)</i>
Kelapa sawit	490.61	614.32	702.50
Getah	502.92	531.11	488.89

Di bawah pendekatan Halacara Baru ini juga, sebanyak 11 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) akan dibangunkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, iaitu satu buah PPD bagi setiap negeri. Kampung yang akan dibangunkan sebagai PPD adalah seperti berikut:

- (a) Pahang — Kampung Soi, Kuantan.
- (b) Perak — Kampung Sungai Renggam, Perak Tengah.
- (c) Perlis — Kampung Batu Bertangkup, Chuping.
- (d) Selangor — Kampung Merbau Berdarah, Sabak Bernam.
- (e) Terengganu — Kampung Pasir Akar, Besut.
- (f) Negeri Sembilan — Kampung Sungai Raya, Port Dickson.
- (g) Melaka — Kampung Tehel Tengah, Jasin.
- (h) Johor — Kampung Parit Seri Merlong, Batu Pahat.
- (i) Pulau Pinang — Kampung Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan.
- (j) Kelantan — Gual Ipoh, Tanah Merah.
- (k) Kedah — Kampung Sungai Korok, Kubang Pasu.

Daripada 11 PPD di atas, sebanyak 5 PPD sedang dalam pembinaan, iaitu di Negeri Perlis, Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Perak. Manakala yang lain-lain masih lagi di peringkat kajian akhir dan dalam pertimbangan untuk mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

- (b) Sehingga hari ini 79% penduduk luar bandar di seluruh Malaysia telah pun mendapat bekalan air bersih berbanding dengan hanya 10% sebelum merdeka. Kerajaan menjangkakan semua penduduk luar bandar akan mendapat bekalan air bersih di akhir Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sehingga ini bekalan elektrik 81% penduduk luar bandar di seluruh Malaysia telah pun mendapat bekalan elektrik berbanding dengan 12% sahaja sebelum merdeka.

- (c) Mengikut banciaan klasifikasi kampung oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, pada tahun 1978 terdapat sepanjang 32,751km. jalan-jalan kampung yang perlu dinaikkan taraf. Pencapaian pelaksanaan jalan-jalan kampung bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, Rancangan Malaysia Kelima dan bagi tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Keenam (tahun 1991 dan 1992) adalah seperti berikut:

Tempoh	Naik Taraf Jalan (km.)	Penyenggaraan Jalan (km.)
RM4	4,639	1,328
RM5	10,639	2,527
RM6 (1991-1992)	3,825	883
	<u>19,047</u>	<u>4,688</u>

Ini bermakna setakat hari ini Kerajaan telah menaikkan taraf jalan-jalan kampung sepanjang 19,047km. atau 58.2%. Berdasarkan kepada pencapaian pelaksanaan tersebut, didapati masih terdapat sepanjang 13,704 km. ataupun 41.8% jalan-jalan kampung yang masih belum dinaikkan taraf.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengenai industri kampung. Setelah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengimplementasikan projek industri kampung ini, boleh atau tidak Timbalan Menteri memberitahu berapa banyakkah

industri-industri ini yang telah menemui kejayaan dan berapa banyakkah yang menemui kegagalan. Apakah sebab-sebabnya mereka ini menemui kegagalan? Adakah disebabkan pasaran bantuan kewangan, modal ataupun lain-lain?

Soalan kedua, masih terdapat lagi TADIKKA-TADIKKA yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dibina dengan tidak cukup lengkap, kadang-kadang ada tadika yang gurunya tidak ada, kadang-kadang ada guru, TADIKKanya tidak ada dan kadang-kadang TADIKKA ini dibina di tepi jalan dengan tidak ada pagar. Jadi, ini membahayakan kepada pelajar-pelajar. Boleh atau tidak Kementerian memberi peruntukan yang secukupnya untuk membimbing anak-anak kampung ini di peringkat TADIKKA ini?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama, iaitu berapa jumlah yang gagal dan yang berjaya, itu saya tidak dapat memberikan perinciannya di Dewan yang mulia ini. Insya-Allah, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Mengenai kenapa pengusaha-pengusaha industri kampung gagal, mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ada beberapa faktor. Pertamanya, kerana pengalaman dan kemahiran yang masih agak terbatas. Keduanya, kerana masalah pemasaran – kemahiran dari segi menguasai pemasaran sama ada tempatan ataupun luar negara yang juga masih terbatas. Ini sebenarnya telah pun mendapat perhatian yang amat berat dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka itu Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun mengadakan langkah-langkah susulan segera bagi mengadakan kursus-kursus kepada

mereka yang telah terlibat dalam industri-industri luar bandar ini untuk diberikan bimbingan dan pendedahan yang sewajarnya.

Bagi TADIKKA, Kementerian memang menyedari bahawa masih ramai lagi kelas-kelas yang dibuka di bangunan-bangunan yang agak tidak sempurna oleh kerana masalah peruntukan yang belum mencukupi. Namun begitu, oleh kerana keperluan untuk mengadakan bimbingan ataupun usaha untuk membangunkan sumber manusia di peringkat prasekolah ini merupakan satu aktiviti yang amat penting, maka Kementerian tidak perlu menunggu-nunggu bangunan-bangunan yang sempurna baru mengadakan kelas. Kita telah pun membuat tindakan-tindakan mengadakan kelas-kelas di mana sahaja tempat yang difikirkan perlu dan sesuai atas permintaan masyarakat luar bandar tanpa mengira bangunan yang sempurna, lengkap dan berbagai-bagai lagi. Pokok pangkalnya, kita bergerak untuk memberikan bimbingan dan pimpinan kepada anak-anak di peringkat prasekolah ini.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, tidak menyebut berkenaan dengan rancangan penempatan semula bagi kampung-kampung nelayan. Di dalam kawasan Parlimen saya di Kuala Kedah terdapat satu rancangan penempatan semula perkampungan nelayan yang terbesar sekali di negara kita yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, sama ada rancangan penempatan semula nelayan ini termasuk jugakah di dalam Pembangunan Kampung-kampung Halacara Baru? Dan apakah peruntukan-peruntukan dan jenis-jenis kemudahan asas yang akan dibekalkan kepada

kampung-kampung tersebut? Adakah ini termasuk juga bantuan kepada nelayan-nelayan untuk berpindah ataupun membina semula rumah mereka di atas tapak penempatan semula nelayan di Kuala Kedah itu?

Soalan kedua, dari segi industri-industri kampung ini, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menyediakan satu tapak industri kecil dan sederhana bersama-sama dengan rancangan penempatan semula nelayan ini untuk memberi kemudahan ataupun peluang-peluang pekerjaan dan peluang-peluang untuk menceburkan diri dalam industri oleh nelayan-nelayan di kampung-kampung tersebut?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberikan penekanan untuk menggabungkan kampung-kampung yang terpencil supaya menjadi suatu Pusat Pertumbuhan Desa dan menggabungkan kebun-kebun serta sawah-sawah kecil supaya dapat menjadi estet-estet ataupun ladang-ladang dengan keluasan ataupun saiz yang munasabah untuk diuruskan dengan baik dan menggunakan cara perladangan yang moden bagi meningkatkan taraf kecekapan. Maka dengan itu, penyusunan semula kampung-kampung nelayan ini tidak terletak di bawah tadbir Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Mengenai industri, apakah Kerajaan memberikan peluang-peluang atau mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mengadakan tapak-tapak industri kecil di perkampungan-perkampungan halacara baru ini, sebagaimana yang saya telah sebutkan dalam jawapan saya tadi, dalam penubuhan pusat pertumbuhan desa, di situ akan diadakan segala prasarana dan kemudahan-kemudahan untuk aktiviti-aktiviti ekonomi yang selain dari pertanian termasuklah juga tapak-tapak untuk mewujudkan industri-industri kecil dan sederhana.

TOL DI JALAN KUCHING DAN JALAN CHERAS — CADANGAN PEMANSUHAN

8. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan kutipan tol di Jalan Kuching dan Cheras di dalam Wilayah Persekutuan. Sila nyatakan juga:

- (a) tempoh kutipan tol akan dikenakan kepada orang ramai di Jalan Kuching dan Cheras; dan
- (b) jumlah kutipan tol setiap hari di tol Jalan Kuching dan Cheras.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua sedia maklum, dasar penswastaaan telah diterima oleh Kerajaan dan orang ramai sebagai satu cara pengurusan ekonomi negara. Walaupun penswastaaan kini telah mendapat sanjungan orang ramai, masih ada yang tidak memahami atau ragu-ragu tentang dasar Kerajaan mengenai penswastaaan.

Semenjak dasar penswastaaan dimulakan oleh Kerajaan dalam tahun 80-an, banyak kejayaan telah dicapai dalam pelaksanaannya. Kerajaan berhasrat untuk terus memperluaskan dan mempergiatkan lagi tahap pelaksanaan dasar penswastaaan khususnya dalam bidang pembangunan infrastruktur di negara ini.

Oleh yang demikian, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatannya dalam ekonomi serta tahap dan skop perbelanjaan awam, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan kutipan tol di Jalan Kuching dan di Jalan Cheras di dalam Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Tempoh kutipan tol yang dikenakan di Jalan Kuching ialah 16 tahun dan di Jalan Cheras ialah 12 tahun. Butir-butir lanjut mengenai tarikh mula dan tarikh tamat konsesi adalah seperti berikut:

	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Tempoh
Jalan Kuching	7.1.87	5.1.2003	16 tahun
Jalan Cheras	15.9.91	14.9.2003	12 tahun

- (b) Jumlah kutipan tol harian di Jalan Kuching ialah RM56,681.46 iaitu purata dalam bulan September 1993, manakala jumlah kutipan tol harian di Jalan Cheras ialah RM55,500 iaitu purata kutipan harian bulan Januari hingga September 1993. Mulai 23hb Oktober 1993, kutipan harian di Jalan Cheras telah menjadi lebih rendah iaitu RM45,500 akibat dari pembukaan jalan alternatif iaitu Taman Chantik Link di mana tol tidak dikenakan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkara ini ialah perkara lama juga. Ia telah menjadikan Ahli dari Sungai Besi bosan dan sebelum dia, ia telah pun menjadikan saya bosan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah justification ataupun justifikasi kepada tol Cheras ini sungguhpun tiap hari, siang-malam kutip bayaran tol tetapi kesesakan lalu-lintas langsung tidak dapat diatasi? Saya mahu tahu justifikasinya.

Yang kedua, saya memahami Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah penduduk di kawasan Cheras dan sebagai seorang Timbalan Menteri, apakah pandangan terhadap bayaran tol ini dan kesesakan ini makin lama makin dahsyat? Yang ketiga . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Cukuplah. (*Ketawa*)

Tuan Liew Ah Kim: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Ya, sila jawab, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan justifikasi untuk mengadakan tol itu, tidak payah saya sebutkan lagi. Ini adalah satu perkara lama.

Berkenaan dengan pandangan saya sendiri, saya duduk di Taman Cheras lebih kurang 1km. jauhnya dari tol itu. Saya lebih mementingkan perkara ini dari Yang Berhormat dari Seputeh sebab hari-hari saya pergi dan balik melalui tol itu. Kementerian kita telah mencari banyak cara untuk mengurangkan atau menyelesaikan kesesakan lalu-lintas di Jalan Cheras dan juga di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekarang ini, kita sedang menjalankan pembinaan jalan-jalan lingkaran (ring road system) – middle ring road 1 dan middle ring road 2 sedang dijalankan dan kita harap ini akan disiapkan sebelum tahun 1998. Sementara jalan-jalan lingkaran itu disempurnakan, kita telah bekerjasama dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur supaya jalan lingkaran ini ada satu cara untuk menyelesaikan atau mengurangkan kesesakan lalu-lintas. Pada sebelah pagi, kita bukakan satu jalan untuk menjadikan tiga lorong dari Cheras ke pusat bandar Kuala Lumpur. Di sebelah petang pula kita buka satu lorong tambahan dari Kuala Lumpur ke Jalan Cheras. Pendek kata, sebelah pagi kita ada tiga lorong dari Cheras ke Kuala Lumpur tetapi di sebelah petang, kita ada tiga lorong dari Kuala Lumpur balik ke Jalan Cheras. Dengan cara itu, kita telah mengurangkan effectively kesesakan lalu-lintas.

Tuan Tan Kok Wai: Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana berusaha menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya "bertol" yang termasyhur di rantau ini. Soalan pertama saya, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar beberapa plaza tol lagi akan didirikan di beberapa tempat dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan saya minta detail dan kadar bayaran khasnya tarikh pelaksanaan dan bagi tol-tol yang sekarang ada di Jalan Kuching dan Jalan Cheras? Adakah benar kadar bayaran tol akan disemak semula seperti yang diperuntukkan dalam konsesi agreement Lebuh Raya Utara - Selatan?

Soalan saya yang kedua ialah, apakah Akta yang sebenarnya mengawal kutipan tol di Bandaraya Kuala Lumpur? Adakah benar Kerajaan bercadang meminda Akta berkenaan atau menggubal satu undang-undang baru dengan tujuan untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang tidak membayar tol dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini? Jika ada, bilakah pindaan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Tan Kok Wai: atau

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, itu lebih dah tu.

Tuan Tan Kok Wai: peng-gubalan undang-undang baru ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Tan Kok Wai: akan diperkenalkan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama itu, tak payah saya menjawab sebab itu terkeluar daripada soalan asal. *(Disampuk)*

Soalan yang kedua itu, Kerajaan sedang berikhtiar atau bercadang supaya satu pindaan Akta diadakan supaya lebih berat denda dikenakan kepada orang-orang yang sengaja tidak membayar tol. *(Disampuk) (Ketawa)*

PROGRAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN KOS RENDAH — KELEMAHAN

9. **Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kelemahan semasa dalam program pembangunan perumahan kos rendah yang dijalankan oleh agensi Kerajaan dan pihak swasta:

- (a) apakah alasan utama terhadap fenomena ini; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Masalah utama yang dihadapi dalam penyediaan rumah kos rendah adalah harga tanah yang sangat tinggi di kawasan bandar. Ini bermakna Kerajaan terpaksa memberi subsidi projek perumahan awam dan pemaju swasta pula terpaksa membuat subsidi silang dari jualan rumah kos sederhana dan tinggi. Harga tanah bergantung kepada 'market forces', dengan izin, khususnya 'supply and demand'. Di kawasan bandar, bekalan tanah, baik tanah Kerajaan atau persendirian, adalah sangat berkurangan sekarang sementara keperluannya sangat tinggi. Oleh itu harga tanah di bandar sememangnya tinggi. Buat masa ini, Kerajaan tidak mengenakan had harga tanah kerana ini adalah ber-

tentangan dengan konsep pasaran bebas. Walau bagaimanapun, Kerajaan menggalakkan pembinaan rumah berbentuk kepadatan tinggi di kawasan bandar supaya kos tanah boleh dibahagi luas. Tetapi, ketinggian dan kepadatan tidak boleh tanpa had kerana keperluan mengelak kesesakan penduduk dan lalu-lintas.

- (b) Untuk membantu mengatasi masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, beberapa program baru yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion untuk menyediakan lebih banyak rumah kos rendah telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawan 1994 yang telah dibentangkan baru-baru ini. Saya berharap, dengan kerjasama dan sokongan yang kuat oleh semua pihak yang terlibat, terutama Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta, program ini akan dapat menghasilkan lebih banyak rumah kos rendah ke arah mengatasi masalah perumahan golongan berpendapatan rendah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di setengah-setengah tempat termasuk Shah Alam, ada pihak pemaju yang menjualkan unit-unit rumah kos rendah kepada syarikat supaya syarikat ini boleh menjadikan asrama bagi pekerja-pekerjanya. Adakah dasar Kerajaan untuk berbuat demikian?

Apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian-nya mengenai projek-projek seperti di Taman Aman, Petaling Jaya, di mana ada satu projek, pada mulanya akan membina pangsapuri ataupun rumah pangsapuri

lima tingkat sahaja, tetapi kerana faktor keuntungan, akan ditambah kepada 20 tingkat. Menurut kenyataan tadi mengenai kepadatan dan sebagainya di kawasan Taman Aman tidak dapat menampung begitu banyak rumah kos rendah, utamanya masalah trafik dan jalan-jalan yang tidak sempurna – tidak boleh menampung begitu banyak pertambahan kenderaan dan sebagainya.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa ada pemaju perumahan kos rendah telah mengubah rumah kos rendah menjadi asrama oleh kerana syarat yang dikenakan oleh Kerajaan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri supaya pemaju-pemaju swasta membina sekurang-kurangnya 30% untuk rumah murah. Rumah-rumah murah ini akan diperuntukkan melalui senarai-senarai yang telah disediakan dan yang telah dikumpul oleh Kerajaan Negeri. Jadi, tidak timbul masalah rumah murah telah ditukar syarat menjadi hostel untuk digunakan oleh pemaju bagi mendapat keuntungan yang lebih tinggi. Soalan kedua

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti. Dia bangun, Yang Berhormat, ya. Saya ingat dalam Pertanyaan Bagi Jawab Mulut ini tidak ada penjelasan. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Mengenai soalan kedua, Taman Aman di Petaling Jaya, seperti Yang Berhormat nyatakan, pada awalnya untuk lima tingkat dan sekarang telah diubah menjadi 20 tingkat. Ini pun saya sendiri tidak mengetahui tentang kedudukan yang sebenarnya, tetapi yang boleh memberi penjelasan bagaimana perkara ini boleh diluluskan ialah Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Saya percaya, kelulusan yang telah diberikan berdasarkan kepada fakta-fakta yang sedia ada di Majlis Perbandaran Petaling Jaya di mana kawasan itu mungkin membolehkan pembinaan rumah pangsa atau rumah bertingkat sehinggalah menjadi 20 tingkat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu, setakat ini berapa jenis perumahan kos rendah yang dijalankan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri? Setakat ini, berapa jenis dan berapakah bilangannya yang telah ditentukan untuk dicapai oleh mereka masing-masing?

Kedua, saya hendak tahu, menurut daripada jawapan yang dikatakan tadi, kerana tanah yang terlalu mahal, mengapa Kerajaan Negeri Johor telah mengumumkan mereka boleh membina rumah kos rendah dengan harga tidak melebihi daripada RM22,000 dan mengapa Kerajaan Pusat mengatakan matlamat itu tidak boleh dicapai kerana harga tanahnya yang lebih mahal dan ada juga sesetengah negeri mengatakan bahawa mereka boleh membina rumah kos rendah dengan harga RM15 (Disampuk) (Ketawa) . . . oh, RM15,000 (Ketawa) Mengapa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Cukuplah Yang Berhormat! Cukup, cukup. Sila.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyediakan beberapa jenis rumah kos rendah di bawah program yang ada. Kita ada dua program terbesar – Program Rumah Khas Kos Rendah dan Program Rumah Awam Kos Rendah. Program ini telah dilaksanakan mulai tahun 1986 dan kejayaannya telah pun kita jelaskan di Dewan yang mulia ini beberapa kali.

Selain daripada itu, agensi-agensi Kerajaan juga telah menyediakan rumah kos rendah khusus untuk pekerja-pekerja dan kakitangan mereka. Ini termasuklah anak-anak syarikat PKNS, UDA dan jabatan-jabatan Kerajaan seperti JKR, Polis, Tentera, Imigresen, Kastam dan sebagainya.

Selain daripada itu agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA juga telah melaksanakan rumah kos rendah bagi kepentingan mereka yang tinggal atau yang mengambil bahagian di dalam penempatan FELDA dan FELCRA. Pada keseluruhannya, jumlah yang telah kita laksanakan, memanglah banyak. Cuma yang dapat saya nyatakan di sini bahawa untuk Rancangan Malaysia Keenam, kita telah mengunjurkan lebih daripada 600,000 unit dan daripada itu 60% adalah terdiri daripada rumah kos rendah. Kita penuh yakin bahawa unjuran ini akan dapat kita capai berdasarkan kepada sokongan yang telah dibuat sama ada oleh pihak Kerajaan Negeri mahu pun pihak swasta, lebih-lebih lagi Belanjawan yang baru sahaja dibentangkan telah juga memperuntukkan wang sebanyak RM1.4 bilion bagi tujuan ini.

Untuk menjawab soalan yang kedua, tidak dapat kita nafikan bahawa harga tanah memang tinggi di bandar jika dibandingkan dengan kawasan di luar bandar. Kita memang menyambut baik mana-mana Kerajaan Negeri yang boleh melaksanakan rumah kos rendah yang harganya kurang daripada RM25,000 seunit seperti yang terdapat di Johor pada masa ini.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang lain walaupun sukar untuk mengekalkan harga RM25,000, tetapi kerana adanya sokongan dan kerjasama yang telah diberikan

oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan maka harga rumah di negeri-negeri tersebut telah dapat kita pertahankan sehingga hari ini dengan harga RM25,000 seunit. Memang terdapat juga harga rumah RM15,000 seunit di kawasan-kawasan luar bandar tetapi tidaklah mempunyai kemudahan-kemudahan yang sama seperti yang telah disediakan bagi rumah-rumah murah yang dibina di kawasan-kawasan bandar. Jadi kalau sekiranya pihak DAP ingin memajukan kawasan dan mahu menjual rumah RM15,000, kita pihak Kerajaan senantiasa mengalu-alukannya. Kita tidak mahu orang cakap sahaja tetapi tidak boleh melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 10 hingga 26 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dan Usul Anggaran Pembangunan 1994" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. *(Hari Ketujuh)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 25 (Jadual) —

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1994) —

Tuan Pengerusi: Menyambung semula perbahasan Kementerian Pertahanan B. 25 dan P. 25. Saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Arau, sila berucap.

3.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):
Tuan Pengerusi,

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Sekejap ya. Sekejap ya.

Dr. Kua Kia Soong: Semalam pada pukul 6.30, saya masih berucap dan saya belum diberi kesempatan untuk menggulung ucapan saya. Saya mula pada

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Arau. Nanti saya lihat dulu. Yang Berhormat dari Petaling Jaya, mengikut catatan di dalam *Hansard*:

"**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Masa perbahasan hari ini pun sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau boleh berucap esok."

Dr. Kua Kia Soong: Esoklah. Tetapi dia tidak kata sambung. Dia kata "hari ini boleh ucap".

Tuan Pengerusi: Saya pun tidak kata dia boleh sambung tadi. Saya mempersilakan dia berucap.

Dr. Kua Kia Soong: Tetapi, Tuan Pengerusi, saya mula pada pukul 6.16 dan saya juga diganggu oleh Menteri dan mesti ada "injury time"lah dan saya kira ada masa untuk menggulung.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mengikut catatan di sini Yang Berhormat mulakan ucapan 6.15 petang dan habis pada 6.30 petang.

Dr. Kua Kia Soong: 6.16 petang.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Arau sila teruskan.

3.37 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana ketegasan Tuan Pengerusi dan kita harap begitulah ketegasan Menteri Pertahanan dalam mempertahankan negara.

Tuan Pengerusi, sebelum saya teruskan hujah saya di samping menyokong, saya ingin menyatakan rasa kesal saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Selama ini saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan juga semua Ahli DAP selalu meletakkan negara jiran di selatan (Singapura) sebagai model dan juga lambang bagi segala-galanya. Tetapi semalam dia telah criticise dengan hebat negara Singapura kerana mengadakan budget sebanyak 6% daripada KDNK. Tetapi bila Menteri Pertahanan memaklumkan bahawa cuma 4.5%, jadi segala argument ataupun alasan yang telah diberikan sebelum ini saya ingat meleset.

Tetapi persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah dalam usaha kita untuk meletakkan tahap di mana ataupun berapa harus kita belanja, kita harus lihat

dari segi perbandingan. Kalau kita hendak bandingkan dengan negara Singapura dalam bentuk kita katakan Singapura juga tidak bagus sebab mengadakan budget 6%, walaupun Malaysia rendah daripada Singapura. Tetapi dalam masa yang sama kita lihat usaha pertahanannya telah pun dibuat. Dia telah pun membeli senjata. Dia telah pun mengikut model negara dan telah mendapatkan nasihat daripada negara-negara yang kita anggap kuat dari segi pertahanan.

Saya cuma baca buku-buku. Saya tidak dapat maklumat yang setepatnya dan saya pun tidak hendak dapatkan maklumat. Saya ingat tidak perlu sebagai seorang rakyat yang biasa saya hendak dapatkan maklumat terperinci. Saya bukan "spy". Saya cuma baca buku-buku "spy".

Jadi Tuan Pengerusi, saya tengok di antara "spy" yang terbaik di dalam dunia, yang menggunakan "spy" tentera ialah yang diwujudkan oleh negara Israel sendiri. Malah kecekapannya, dulu saya ingat sama dengan CIA. Ini buku yang saya bacalah. Tetapi orang kata sama dengan CIA. Sekarang dia menandingi CIA dan itulah negara yang menjadi penasihat kepada negara jiran.

Jadi, dalam soal pertahanan, pada pandangan saya kita patut masuk setengahnya di bawah tanggungan, bukan masuk di bawah hal yang harus diperbincangkan. Kalau hal Hakim-hakim, hal Yang di-Pertua Dewan Rakyat pun kita tidak bincang, kita masuk di bawah tanggungan. Mengapa hal pertahanan dimasukkan di bawah perbincangan secara terbuka? Kalau soal pertahanan ini, kita ambil manusia itu. Manusia itu sendiri.

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Arau, adakah dia kata rakyat Malaysia, khususnya Ahli Parlimen, tidak ada tanggungjawab (responsibility) terutama daripada Kementerian mengenai kandungan pembelian seperti berapa Hawks, berapa Hornets, berapa OPV, berapa armoured vehicles dan lain-lain itu? Adakah semua pembelian ini – arbitrary atau open-ended untuk keputusan Kementerian sahaja? Adakah kita tidak ada tanggungjawab untuk 'check' atau mendapatkan satu sikap yang tetap atau sikap yang 'transparent'? Dulu kata kita hendak "Covette", sekarang kata "Covette" tidak sesuai, hendak "Frigate". Dulu kata 16 OPVs, sekarang kata 27 OPVs dan sebagainya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia lebih pandai daripada saya. Saya tidak pakar dalam bahagian itu. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya ambil satu contoh yang paling mudah. Contoh, sebagai manusia. Tuan Pengerusi ada pistol. Saya pandai silat. Walaupun Tuan Pengerusi, dari segi fizikal, saya rasa Tuan Pengerusi tahu saya kuat juga bukan? Tetapi saya tengok Tuan Pengerusi ada pistol, saya tidak berani pergi dekat Tuan Pengerusi.

Tetapi kalau Tuan Pengerusi cerita dia ada sepucuk pistol, saya berani pergi lagi sebab satu pistol, saya rasa sekali dia tembak, saya boleh tepis. Tetapi Tuan Pengerusi kata ada 10 pucuk pistol tembak tangan ini, tangan pun ada, jadi saya tidak pergi langsung. Tetapi kalau Tuan Pengerusi cerita ada 10 pucuk pistol, saya tidak pergi. Saya nanti guna meriam ataupun guna kereta kebal hendak serang Tuan Pengerusi.

Kalau kita cerita kekuatan kita dengan sebenarnya, dengan secara tulus, bahaya. Tetapi tidak cerita langsung pun bahaya. Jadi, kita hendak cerita ini ke tahap mana? Tahap yang membolehkan orang tahu kita ada dua pucuk pistol. Sebenarnya, kita ada 10 pucuk pistol, lebih kurang macam itulah. Jadi, kalau dia takut hendak mari tetapi dalam masa yang sama kita amat bersedia. Tetapi kalau kita cerita kita ada 20 pucuk pistol, sedangkan kita ada dua pucuk pistol, juga bahaya. Orang tembak dengan kereta kebal, kita hancur terus.

Jadi, ini soal pertahanan dan juga strategi pertahanan, saya ingat ada dua-tiga perkara yang boleh diminta dengan secara terus-terang. Setengahnya, tidak perlu. Tidak perlu dibincang dengan terus-terang. Kalau kita cerita dengan sejelas-jelasnya, negara-negara maju pun mana ada dia cerita. Kita tahukan armada – 7th. Fleet Amerika itu ada berapa buah kapalnya? Ada berapa ramai tentera? Yang kita tahu, 7th. Fleet inilah yang dikerahkan untuk bergerak ke Iran. Ini yang keenam. Kita tidak tahu yang sebenarnya. Tetapi sebenarnya, sama ada kita tahu atau tidak pun, sebab negara kita kecil, orang tahu dekat mana kita beli, jadi, akhirnya orang tahu. Tetapi cara kita berbincang sekarang ini, saya tengok perbincangan di Malaysia ini tidak sehebat perbincangan yang dibuat di Parlimen-parlimen tempat lain. Di sini kita criticise kita punya pertahanan sampai habis-habisan.

Begitu juga cerita hubungan kita dengan Australia. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Menteri kata baru-baru ini bahawa kita tidak perlu kaji semula defence arrangement kita dari segi pertahanan dengan Australia. Saya bersetuju dengan defence arrangement untuk 5 buah negara itu, kita bersetuju tidak payah kita kaji semula sebab ini bukan melibatkan Malaysia sahaja,

tetapi melibatkan 5 buah negara. Tetapi untuk Malaysia dengan Australia, saya minta dikaji semula. Saya dengar cerita Australia hendak 'supply' senjata api dan lain-lain juga pembekalan kecil untuk tentera, dan saya minta ini dikaji semula sebab kita boleh dapat perkara yang sama di negara lain yang berdekatan.

Yang Berhormat Menteri sedia maklum, dari segi hubungan perdagangan, kita lihat di antara Australia dengan New Zealand, kita boleh dapatkan alternatif dari New Zealand. Walaupun import kita dari New Zealand berkurangan, di akhir tahun ini berkurangan, tetapi eksport kita ke New Zealand bertambah. Tetapi malangnya di Australia, import kita bertambah, eksport kita kurang. Tetapi dalam keadaan yang kita menambahkan eksport ke Australia, Perdana Menteri menunjukkan sikap kurang sopan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Seorang Ahli: Kurang ajar!

Tuan Shahidan bin Kassim: Kurang ajar. Walaupun saya dengar cerita bahawa ada pegawai-pegawai Kerajaan mengatakan, "Ini kalau Paul Keating cakap, bukan Australia cakap. Kalau Dr. Mahathir Mohamad cakap, bukan Malaysia cakap". Jadi, Malaysia cakap ini dekat mana? Di mana mulut Malaysia? Mulut Malaysia di Dr. Mahathir Mohamad. Mulut Australia di Paul Keating. Kadang-kadang mulut Malaysia ada juga di menteri-menteri yang lain, mulut-mulut tambahan; tetapi mulut utama itu!

Jadi, "kalau Paul Keating bercakap, bukan Australia cakap", saya ingat kita patut fikir semula. Saya ingin beri perhatian ini sebagai benda yang serius sebab di kalangan rakyat Malaysia juga, Tuan Pengerusi, ada berbeza-beza pendapat. Itu sebab pertahanan ini penting.

Pertahanan ini bukan sahaja pertahanan dalam tetapi juga pertahanan di luar. Saya tidak tahu pendapat DAP macam mana? Tetapi ada rakyat Malaysia yang sudah mula mencaci Malaysia dan menyokong Paul Keating. Di antaranya, seorang manusia, namanya Tan Sri Hamzah Sendut. Dia buat temuduga di Singapura. Dia bantai Pemuda UMNO, dia bantai Yang Berhormat Nazri Aziz, dia kata ini hendak cari tempat. Bagi dia, itu tidak ada apa-apa. Yang bercakap itu ialah Dr. Mahathir Mohamad. Ini sebagai contoh.

Ini di antara manusia yang penting dari segi korporat ini sanggup pergi buat demikian, kita tidak tahu orang lain. Itulah sebab kalau pertahanan ini dibincang heboh, tidak tentu fasal, tiba-tiba di kalangan rakyat sendiri pun ada berbagai-bagai pendapat, kita rosak. Jadi, orang seperti Tan Sri Hamzah Sendut ini pun, memang sifat keMalaysiaan dia agak kurang sedikit. Dia ini "orang putih" sedikit. Biarkanlah macam mana pun.

Walaupun bagaimanapun, kita hendak tunjuk benda-benda itu boleh merosakkan negara balik. Jadi, kita mengecam dan dalam masa yang sama, kita minta Kementerian Pertahanan review balik. Saya dengar cerita Australia hendak 'supply' senjata api, senjata apinya saya ingat tidak perlu. Tentera Australia yang pergi berperang ialah di antara tentera yang tidak berdisiplin. Saya ingat senjata apinya pun tidak berdisiplin, macam dia juga. Jadi buat apa kita hendak beli senjatanya? Kita boleh buat alternatif. Sebab saya lebih suka memikirkan hubungan kita dengan New Zealand di mana mereka telah menunjukkan bahawa mereka masih berterusan mengimport lebih barang-barang kita walaupun kita mengimport kurang barangan mereka kerana kita lebih condong kepada Australia. Itu sebab saya kata pertahanan

ini penting. Hubungan kita dengan Australia ini daripada kita kes hukuman gantung dua orang pengedar dadah mereka sampai sekarang, ianya berterusan.

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja. Sedikit, sebab semalam you beri saya sekali, saya beri sekali. Last one.

Dr. Kua Kia Soong: Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Arau, bukannya sikap yang diambil oleh beliau terhadap Australia lebih sedikit? Oleh sebab Ahli DAP selalu kata, umpamanya di Burma, di mana rejim Burma sudah tindas rakyat di sana dan pemimpin seperti Aung San Suu Kyi ditahan dan Rohingya refugees pun telah ditindas dan beribu-ribu pula orang dipaksa keluar dari negera Burma. Di atas fakta-fakta ini, Kerajaan kata kita mesti ambil satu sikap "constructive engagement". Sekarang ke atas satu komen atau statement, yang saya bersetuju adalah sedikit biadap oleh Paul Keating yang kata, "Perdana Menteri recalcitrant", ke atas statement itu sahaja dan dibandingkan dengan rekod rejim Burma, Ahli Yang Berhormat dari Arau dan lain-lain pemimpin Barisan Nasional kata hendak tukar dasar luar negeri, hendak ubah dasar pertahanan dan lain-lain itu. Bukankah itu lebih sedikit?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak! Pertahanan lima buah negara, ia ada pertahanan, ia ada bilateral. Ia ada 5 buah negara. Yang 5 buah negara itu, kita tidak ganggu. Bukan Malaysia sahaja, terlibat Singapura, Indonesia dan Thailand. Jadi, tidak ada masalah. 5 buah negara tidak campur. Lagipun, itu lebih menguntungkan kita. Mereka juga cakup menguntungkan mereka. Tetapi

perjanjian untuk membeli senjata dari Australia, apa perlu? Tadi, kita sebutkan masalah penindasan tentera di Burma ke atas penduduk aslinya. Apa kurang dengan Australia – penindasan yang begitu kejam yang diberikan kepada orang-orang asli Australia?

Orang Asli Australia sekarang ini sudah tidak ada tempat langsung jika dibandingkan dengan sikap Kerajaan Malaysia yang begitu memberi tempat kepada Orang-orang Asli di sini. Di Australia, Orang Asli sudah tidak ada apa-apa, dianggap macam kucing kurap atau macam anjing. Jadi, ini Keating puncunya.

Jadi, saya ingat sudah sampai masanya. Dia memang sudah banyak dosa dan bala yang dia buat kepada Australia itu macam-macam. Sekarang ini dia hendak mencari peluang supaya dia ini naik sedikit namanya dan hendak menguji kekuatannya di Australia sama ada dia masih mendapat sokongan atau tidak. Tetapi apabila dia keluarkan kenyataan itu, dia kena bantai dalam dan luar. Tetapi janganlah sampai ada rakyat Malaysia yang pergi tumpang untuk menyokong Keating.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Eh, 10 minit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak, 15 minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya menggulung, Tuan Pengerusi. Akhirnya, saya minta pertahanan maritim ini diperhebatkan sebab kita mendapat laporan bahawa banyak kejadian berlaku. Saya tidak payah baca kerana ini panjang, sebab laporan telah pun ada. Banyak kejadian-kejadian lanun, kejadian laskar kita kena buang ke laut dulu

yang kita kena ingat dan bermacam-macam lagi. Maritim ini sebab Malaysia negara yang cuma di kawasan Perlis, Kedah dan juga Kelantan sedikit yang ada tanah, yang bersambung dengan daratan. Yang lain semuanya menghadapi laut. Jadi, pertahanan maritim ini harus dipertingkatkan.

Saya pernah tengok dengan mata saya sendiri, semasa saya berada di Pulau Tioman, ada kesempatan pergi ke sana sekejap, bukan berehat tetapi untuk urusan rasmi. Saya duduk di tepi pantai dan saya bertanya, "Yang lalu itu kapal siapa?" Dia kata, "Kalau kapal berbentuk itu, nelayan Siam". Dekat 15 buah, ia berjalan berderet dan saya lihat kapal tentera laut kita ada sebuah dekat Pulau Tioman itu – kapal kecil. Saya percaya dia tidak berani pergi untuk melayan 15 buah kapal yang ada itu di sana. Jadi, sekarang ini lautan kita dicabuli, masalah nelayan asing dan lanun ini pun kita menghadapi masalah kekurangan kelengkapan. Jadi, sudah sampai masanya kita minta supaya pertahanan maritim dipertingkatkan, diperluaskan dan diperbanyakkan. Jangan dipersoalkan.

Saya tahu bahawa kalau kita hendak masuk KDNK 6%, bagi saya masih lagi di kadar yang boleh kita bertahan. Dalam keadaan Belanjawan Berimbang, 6% masih rendah. Kalau perbelanjaan berimbang, dia mesti masuk melebihi di antara 6%. Cuba ambil calculator dan kira balik. Kalau kira balik, dia mesti di antara 6% sehingga 10%. Barulah masuk di bawah perbelanjaan berimbang. Tetapi kalau 4½% masih rendah dan kita tidak perlu kritik.

Jadi, saya minta supaya pertahanan maritim dipertingkatkan, dibuat apa cara yang patut untuk membolehkan kita mempunyai pertahanan maritim yang kuat.

Tuan Pengerusi: Ya, Jelebu.

3.53 ptg.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh (Jelebu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B. 25, muka surat 151, Butiran 001000 Pentadbiran Pertahanan.

Tuan Pengerusi, perkara yang pertama yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan Dasar Pertahanan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada sudahkah wujud, pada masa ini, satu Dasar Pertahanan rasmi? Kerana sepanjang yang saya tahu, pada masa ini belum ada lagi dasar rasmi. Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan juga berminat untuk mewujudkan satu Dasar Pertahanan kerana saya pernah membaca kenyataan beliau dalam akhbar, semasa beliau mengambil alih Kementerian Pertahanan bahawa beliau akan berusaha untuk mewujudkan atau menggubal satu Dasar Pertahanan rasmi bagi negara kita.

Saya rasa memang sepatutnya kita mempunyai satu Dasar Pertahanan kerana pertahanan adalah begitu penting kepada negara. Kalau kita ada Dasar Pendidikan, Dasar Pertanian dan dasar-dasar lain, sudah tentunya kita sepatutnya mempunyai satu Dasar Pertahanan. Dengan adanya dasar ini, saya percaya kita senang untuk merancang dan kita akan tahu ke arah mana pertahanan kita akan kita tuju. Saya percaya dengan adanya Dasar Pertahanan maka kita senang untuk mewujudkan satu pertahanan yang hebat yang berwibawa dan yang boleh mempertahankan negara. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberi penerangan tentang kedudukan Dasar Pertahanan ini.

Tuan Pengerusi, dalam kita berusaha untuk mewujudkan satu sistem pertahanan yang berdikari, yang cekap dan berkesan, saya mengalu-alukanlah beberapa projek yang sedang dalam rancangan ataupun yang sedang dalam pelaksanaan seperti projek pembelian pesawat 'Air Superiority' seperti F-18, MiG-29, pembelian Hawk jet trainer, projek pembaharuan fast patrol craft dan sebagainya.

Tetapi dalam pada itu, saya ingin menyentuh pula Butiran 00300 iaitu Pertahanan Darat di mana saya rasa pada masa ini terdapat sedikit kekurangan ataupun kepincangan dari segi mewujudkan sebuah pasukan tentera darat yang seimbang (a balanced force). Saya dapati dalam tentera darat kita, kita mempunyai jumlah pasukan infantry yang terlalu besar dan kalau kita bandingkan dengan komponen-komponen pasukan bantuan tempur yang lain, jumlahnya adalah tidak begitu seimbang.

Saya bersetuju bahawa semasa kita menghadapi ancaman komunis dulu, kita memang sepatutnya mempunyai satu pasukan darat yang mempunyai jumlah infantri yang banyak. Tetapi setelah kita dapat mengalahkan ataupun membanteras ancaman komunis militan dan kita kini menuju ke arah kemampuan untuk peperangan konvensional, saya rasa kita perlu tingkatkan lagi kemampuan pasukan-pasukan bantuan tempur.

Saya ingin memberi sedikit misalan. Umpamanya, kita kekurangan pasukan artileri, khususnya pasukan artileri kemampuan jarak menengah (medium range) yang berkaliber 155. Pada masa ini sepanjang yang saya tahu, kita ada beberapa pucuk sahaja artileri yang mempunyai kaliber tersebut. Dalam peperangan konvensional, kekuatan artileri adalah amat penting dan dengan itu, kemampuan kor artileri kita perlu dipertingkatkan.

Dan terdapat beberapa kekurangan lain. Umpamanya, kita mempunyai satu kor armour. Tetapi di dalam kor armour kita tidak ada kereta kebal (main battle tank). Yang kita ada ialah armoured fighting vehicle. Kalau ada light tank pun adalah terdiri daripada Scorpion. Negara-negara jiran umpamanya, jiran kita di Selatan, kalau tidak silap saya, mempunyai hampir 60 buah Centurion Tank yang diletakkan di Taiwan untuk latihan. Mereka juga mempunyai 300 buah light tank jenis AMX. Jadi, pasukan bantuan tempur perlu dipertingkatkan, supaya pasukan-pasukan infantri apabila dikumpulkan dalam satu briged umpamanya briged tersebut mempunyai pasukan-pasukan bantuan tempur yang cukup seperti yang biasanya diamalkan. Kalau satu briged infantri itu perlu bantuan satu regimen artileri, maka patut diadakan satu regimen artileri, satu skuadron kereta kebal ataupun satu skuadron jurutera dan sebagainya. Pada masa ini saya dapati bahawa kita amat berkurangan dalam perkara tersebut.

Berkaitan dengan ini juga, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang pembelian 40 buah Korean armoured fighting vehicles yang akan dihantarkan ke Bosnia.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Saya hendak tahu sama ada pembelian 40 ataupun lebih Korean fighting vehicles ini adalah hanya untuk Bosnia, ataupun apabila habis, tugas di Bosnia nanti, kereta itu akan dibawa balik dan akan terus menjadi salah satu daripada peralatan yang kita akan bekalkan kepada kor armour ataupun kepada kor infantri.

Tuan Pengerusi, seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan beberapa projek yang saya sebutkan awal

tadi. Saya hendak tahu apakah kemajuan pembelian F-18 dan MiG-29, sudahkah perjanjian atau kontrak ditandatangani, ataupun adakah kita masih lagi menunggu jawapan daripada pihak Russia, pihak Amerika dan kalau sudah ditandatangani bilakah kapal terbang ini akan diterima dan seterusnya bilakah dia akan beroperasi ataupun dengan izin, operational status Skuadron MiG-29 ataupun F-18 ini?

Tuan Pengerusi, selain daripada keperluan kelengkapan-kelengkapan yang canggih, adalah perlu juga kita memberi perhatian kepada soal keanggotaan bagi mewujudkan sistem pertahanan yang berdikari, cekap dan berkesan.

Sekarang sudah timbul persoalan tentang belia kita tidak berminat untuk menganggotai dalam bidang Angkatan Tentera dan belia-belia yang minat untuk masuk Angkatan Tentera itu adalah daripada golongan bumiputera sahaja dan amat kurang penyertaan daripada bangsa-bangsa lain. Saya rasa ini adalah satu perkara yang membimbangkan. Dalam hal keanggotaan ini, saya hendak tahulah daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, apakah saiz Angkatan Tentera dari segi keanggotaan yang sesuai, sama ada 150,000 orangkah, 200,000 orangkah ataupun kepada tahap yang ada sekarang? Kerana saya mempunyai keyakinan bahawa kalau kita hendak mempunyai satu kekuatan pertahanan, kita tidak perlu satu saiz yang besar. Yang penting ialah Angkatan Tentera kita mempunyai satu saiz yang sesuai dengan keperluan kita, tetapi dianggotai oleh anggota-anggota yang terlatih, yang cekap, yang disiplin dan dipimpin oleh pegawai-pegawai yang berkaliber tinggi, yang profesional dan mereka ini pula dilengkapi dengan senjata dan peralatan yang canggih.

Saya hendak tahu adakah Kementerian Pertahanan sudah membuat satu kajian, apakah saiz keanggotaan Angkatan Tentera kita yang maksimum ataupun yang akan menepati keperluan Kementerian Pertahanan?

Saya juga ingin tahu, oleh kerana dalam Angkatan Tentera atau dalam Kementerian Pertahanan, kita mempunyai opsyen sama ada kita hendak mewujudkan satu Angkatan Tentera tetap, yang besar ataupun yang kecil dan dibantu oleh pasukan simpanan. Berkaitan dengan ini juga saya hendak tahu apakah nisbah ataupun besarnya pasukan simpanan kita? Adakah nisbahnya satu pasukan tetap kepada satu pasukan simpanan ataupun apakah nisbah-nisbah yang telah dikaji oleh Kementerian Pertahanan?

Di samping itu, saya juga hendak tahu, oleh kerana kekurangan minat belia-belia kita untuk masuk Angkatan Tentera, adakah Kementerian Pertahanan sudah membuat kajian tentang keperluan National Service, seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa? Adakah kajian telah dibuat tentang perkara ini, sama ada Malaysia perlu mempunyai National Service ataupun terus kekal dalam sistem sekarang iaitu kita adakan tentera tetap dan disokong oleh tentera simpanan. Dalam hal ini saya rasa konsep tentera simpanan dalam Angkatan Tentera kita adalah amat baik.

Saya rasa sistem yang digunakan, iaitu pasukan Siri 100 – satu batalion mengikut unit-unit ataupun pasukan Siri 500 serta Pasukan Pelapes dari universiti-universiti adalah amat baik. Kita telah mewujudkan 'ROTU' atau Pelapes sejak tahun 70-an lagi. Dan tiap-tiap tahun ramai pelajar/mahasiswa yang menganggotai 'ROTU' ataupun Pelapes yang telah ditauliahkan untuk menjadi pegawai berpangkat Leftenan Muda.

Saya hendak tahu berapakah jumlah sebenarnya pegawai-pegawai yang telah lulus daripada Skim Pelapes ini? Adakah Kementerian tahu di mana mereka berada ataupun adakah mereka ini menyertai Pasukan-pasukan Simpanan yang wujud iaitu dari Siri Rejimen-100 ataupun Rejimen-500? Adakah mereka ini selepas lulus daripada universiti diberi tauliah sebagai Leftenan Muda, tetapi tidak dapat dikesan - tidak ada minat untuk menyertai Angkatan Tentera, khususnya untuk menganggotai Pasukan Simpanan yang ada di merata negara kita. Ini kerana, saya telah berjumpa dengan beberapa orang pegawai yang telah menyertai Pelapes ini. Saya tanya mereka tidak tahu di mana mereka hendak melapor dan sebagainya. Jadi, saya rasa Kementerian Pertahanan sepatutnya, kalau boleh dapat mengesan mereka, kerana saya rasa ramai yang telah diberi latihan, walaupun latihan yang hampir serupa dengan latihan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai yang terus berlatih di Maktab Tentera Diraja. Kalau kita tidak dapat kesan mereka, tidak dapat bawa mereka masuk untuk menyertai Angkatan Tentera, mereka ini semuanya mempunyai ijazah, segala usaha yang kita buat melalui Pelapes itu akan sia-sia sahaja. Jadi, kalau dapat diberitahu kedudukan yang sebenarnya berkenaan dengan Pelapes ini.

Selain daripada itu saya amat mengalu-alukan keputusan Kementerian untuk menaikkan kelayakan kemasukan pegawai daripada SPM kepada peringkat ijazah. Saya rasa ini adalah satu langkah yang amat baik.

Berhubung dengan ini juga saya menyokong sepenuhnya tentang saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu untuk mengadakan Akademi Tentera dengan mempertingkatkan taraf Maktab Tentera Diraja kepada taraf akademi yang menjalankan

kursus ijazah, yang setaraf dengan universiti supaya mereka yang lulus daripada akademi itu akan menjadi pegawai-pegawai tentera dalam berbagai-bagai bidang yang diperlukan oleh Angkatan Tentera.

Selain daripada itu, saya juga ingin tahu mengenai usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan kelulusan akademik kepada pegawai-pegawai Angkatan Tentera yang sedia wujud sekarang. Umpamanya, adakah mereka ini diberi galakan untuk meningkatkan lagi pengajian mereka ke taraf degree ataupun ke tahap sarjana. Adakah usaha-usaha dibuat, seperti yang dibuat oleh Amerika umpamanya diadakan 'Co-op Degree Programme', di mana terdapat kerjasama di antara Maktab Turus Angkatan Tentera ataupun Maktab Tentera Diraja dengan berbagai-bagai universiti supaya dapat diadakan kursus yang ada hubung-kait dengan pertahanan dan dengan itu dapat memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai yang ada dalam Angkatan Tentera sekarang untuk mendapat ijazah dalam bidang-bidang yang ada kaitan dengan pertahanan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Saya juga ingin bertanya berkenaan dengan Tentera Simpanan. Pertama tadi saya sudah sebut tentang nisbah dan kecapaian sekarang ini. Mengikut kenyataan-kenyataan yang saya baca dalam akhbar bahawa sekarang ini Pasukan Simpanan kita masih lagi di bawah 50,000 anggota, belum sampai ke tahap 50,000 lagi. Saya dapati bahawa kadang-kadang apabila Kementerian merancangkan anggota Pasukan Simpanan ini, ia tidak dikaitkan dengan alat perkakas ataupun keperluan semasa perang. Maksud saya ialah simpanan perang. Apabila kita mempunyai bebe-

rapa batalion Pasukan Simpanan, bukan sahaja simpanan dari segi anggota, tetapi saya ingin tahu, apabila kita wujudkan sesuatu Batalion ataupun Pasukan Tentera Simpanan itu, adakah kita mempunyai simpanan dari segi kelengkapan, senjata, kenderaan dan sebagainya? Maksud saya, dengan izin, 'war reserves'. Apakah dasar kita tentang 'war reserves' ini? Berapakah saiz 'war reserves'? Dan kalau kita sebut tentang 'war reserves' ini, umpamanya peluru, berapa lama kita boleh bertahan? Sama ada untuk 45 hari, untuk 90 hari ataupun untuk berapa lamakah? Saya hendak tahulah kalau boleh Yang Berhormat Menteri menyatakan tentang peruntukan untuk 'war reserves' ini.

Sekian, dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong. Selepas itu, Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.14 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada hujah-hujah yang disampaikan terutamanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau mengenai Pertahanan ini. Yang saya setuju ialah demi mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dalam dekad-dekad yang akan datang, Angkatan Tentera perlu mempertingkatkan keupayaan bukan sahaja dari segi kelengkapan dan peralatan persenjataannya, malah anggota-anggotanya juga perlu terdiri daripada mereka yang mampu mengendalikan peralatan yang canggih itu seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi.

Tuan Pengerusi, saya akan membincangkan mengenai Pentadbiran Pertahanan, Butiran 010000; 030000; 050000 termasuklah Perumahan. Saya nampak Yang Berhormat Menteri sebelum

pemilihan semula UMNO dahulu beliau sangat bimbang (anxiety) sehingga tidak dapat menjalankan tugas di Kementeriaannya. Sekarang beliau telah berjaya dan nampaknya keyakinannya telah kembali. Dua hari selepas pemilihan itu dia ada berjogging . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak bersabit dengan Butiran mana-mana!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada bersabit. Saya akan bertanya beliau kerana sebelum ini beliau sentiasa mengelak daripada menjawab soalan dan jawapannya seringkali tidak tepat. Oleh kerana beliau sangat handal untuk mengelakkan menjawab . . . (*Ketawa*) Ini dengan lebih keyakinan, jadi ini relevan. Saya berharap beliau dapat menjawab dengan tepat, persis dan jitu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, setakat ini saya nampak tidak berubah lagi mengenai perumahan. Di Kuala Lumpur sahaja, elaun perumahan hanya RM85. Itu pun disedari oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Kalau hendak menyewa rumah di kawasan setinggian pun kadang-kala lebih RM200 sebulan. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah berkata bahawa pihak Kementerian sangat mengambil berat masalah perumahan tentera, tetapi apakah yang telah dibuat untuk menambah elaun? Kerana kalau hendak sewa rumah RM300 sebulan, saya percaya tidak cukup kalau di kawasan bandar, terutamanya di Kuala Lumpur. Ada baik juga kompleks yang berharga RM2.9 juga dibina yang mengandungi 2,000 unit bagi berbagai kelas yang telah pun dilancarkan. Itu adalah baik. Saya nampak akan dibina beberapa unit lagi di Bentong, Sungai Ara, Terendak di mana saya pernah berkhidmat, di Kem Sungai Besi, Kem Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang dan Kem Kuala Kubu

Bahru. Unit-unit yang akan dibina itu jelas tidak mencukupi untuk menampung keperluan dan masih ada banyak Angkatan Tentera yang tinggal di kawasan-kawasan setinggian walaupun unit-unit baru ini akan dibina.

Apakah kemajuan setakat ini selain daripada unit-unit yang telah saya sebutkan tadi untuk memberi pertolongan kepada Angkatan Tentera yang tidak mempunyai rumah sendiri? Kalau hendak menambahkan elaun ini, kepada tahap manakah? Sama ada kepada RM200 ataupun RM300 sebulan bagi setiap keluarga? Itu mengenai perumahan.

Satu lagi mengenai Pasukan Timbalan Setia Johor. Ada beberapa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Pasukan Timbalan Setia Johor dan setakat ini apakah yang telah dibuat bagi 227 ahli pasukan tersebut. Adakah mereka akan diserapkan kepada Angkatan Tentera ataupun akan bersara untuk mencari kerja yang lain? Ini memang kita hendak mengetahui kerana itu bukan kesalahan ahli-ahli Pasukan Timbalan Setia Johor di mana pasukan itu akan dibubarkan dan kita perlulah memberi mereka satu alternatif yang munasabah supaya carrier mereka tidak akan terputus.

Satu perkara lagi mengenai hasrat pihak Kerajaan untuk melatih lebih ramai sukarelawan bagi Civil Defence. Civil Defence memanglah penting terutamanya semasa darurat dan khabarnya pihak Kerajaan akan melatih sehingga 300,000 anggota Civil Defence di dalam tempoh 5 tahun ini. Apakah projek ataupun rancangan untuk melatih begitu ramai sukarelawan dalam tempoh 5 tahun ini? Kita perlu mengadakan sistem yang lebih berkesan supaya sukarelawan-sukarelawan yang dilatih ini dapat mencapai satu tahap yang tertentu bagi membantu negara semasa darurat.

Tuan Pengerusi, ada disebutkan di dalam Dewan ini keperluan untuk mengadakan Akademi Tentera. Kalau tidak silap saya, tidak lama lagi Maktab Tentera Diraja akan dijadikan satu akademi. Adakah ini benar? Kalau benar, bilakah akademi ini akan diadakan untuk meningkatkan tahap dan mutu Angkatan Tentera terutamanya dari peringkat pegawai. Ini berkait dengan hasrat pihak Kementerian untuk menaikkan kelayakan bagi tenaga yang cukup cekap yang menyertai Angkatan Tentera. Tetapi di sini kita mesti menyedari bahawa pemuda-pemudi yang sanggup dan berminat untuk memasuki tentera sekarang semakin sehari semakin kurang. Bagaimana pihak Kementerian dapat mengambil anggota yang banyak dan cukup untuk menjadi ahli Angkatan Tentera yang baru, kalau kelayakan ini dinaikkan. Kalau tidak silap saya pada tahun 1995 pegawai itu mesti mempunyai ijazah, dan bukan pegawai, sekurang-kurangnya SPM. Tetapi SPM tidak ada lagi, kerana sekarang saya nampaknya ada satu cadangan untuk tidak mewajibkan SPM. Selepas dua tahun hadapan ada satu option di mana pelajar-pelajar tidak dipaksa mengambil SPM – ianya sebagai satu option sahaja. Kalau begitu, apakah kelayakan akan dipilih untuk menjadi Angkatan Tentera, ini masalahnya. Sekarang tidak cukup orang untuk memasuki tentera, terutamanya bukan Melayu. Dengan kenaikan tahap kelayakan itu, bagaimana pihak Kementerian dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya memang hendak menyaksikan dengan tenaga yang cukup cekap bagi memastikan peralatan moden yang dimiliki dapat digunakan secara berkesan. Ini memang hasrat semua rakyat Malaysia. Apakah dasar Kementerian di dalam rantau ini, dan setakat manakah tahap kelengkapan, tahap mutu tentera akan diadakan secocok dengan sekitar kita. Kerana

dengan kita membeli MiG-29 dan juga FA-18 sekarang yang akan menelan belanja sampai RM4 bilion – RM3.8 bilion. Saya nampak ada satu dua negara jiran yang sangat tidak puas hati, bimbang kerana mereka kata hanya tak sampai 18 juta orang apa fasal hendak dapat pesawat-pesawat yang begitu canggih. Saya ada dengar bila saya berada di Hong Kong. Orang-orang daripada jiran kita – jiran yang besar berkata demikian. Saya kata hanya beberapa buah pesawat yang canggih ini tidak dapat mencero bohi negara jiran, pada pendapat saya. Tetapi memang mereka ada membangkitkan kekhuatiran mengapa kita sanggup membeli alat-alat yang begitu canggih untuk Angkatan Tentera kita.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali memang kecanggihian ketenteraan semakin hari semakin meningkat. Misalnya, sekarang khabarnya di Amerika Syarikat ada non-lethal weapon, di mana tak payah mengadakan peluru ataupun apa sahaja, cuma menggunakan micro-waves, maka alat-alat tentera musuh dapat dihancurkan – itu non-lethal weapon. Adakah hasrat kita membeli alat-alat secanggih itu, ataupun dengan cara Star War, dengan hanya menekan butang, peluru berpandu yang disasarkan kepada pihak musuh boleh dilancarkan dari suatu tempat yang beribu kilometer jauhnya, itu Star War. Dari segi ini, adakah pihak Kementerian sanggup membeli senjata seperti Scud, Patriot, Tomahawk ataupun Silkworm. Adakah cadangan untuk membeli peluru berpandu seperti ini?

Tuan Pengerusi, mengenai pembelian daripada Russia dan Amerika Syarikat, saya mempunyai soalan yang pokok, apakah faktor-faktor yang sebenarnya yang merangsang pihak Kementerian untuk membuat keputusan membeli MiG-29? Adakah kerana jaminan yang diberi kepada Kementerian oleh pembuat MiG-29 ini yang menjamin bahawa

pihak syarikatnya akan membina kilang di Malaysia untuk mengeluarkan alat-alat ganti dan menjamin juga pesawat-pesawat ini tidak payah dibayar lagi kalau ada kerosakan dalam tempoh 20 ataupun 30 tahun. Adakah jaminan seperti ini yang merangsangkan pihak Kementerian membeli MiG-29. Mungkin ini yang akan dibuat oleh pihak Russia, kerana pihak Russia menghadapi banyak kesusahan, terutamanya krisis ekonomi yang melanda negara itu. Dengan krisis ekonomi, adakah besar kemungkinan pihak syarikat-syarikat seperti Mikoya akan terjejas sehingga pembelian itu akan menghadapi kebuntuan dan kita tidak dapat pesawat air superiority fighter ini. Itu memang satu kebimbangan mengenai pembelian pesawat seperti itu daripada negara yang menghadapi krisis ekonomi. Daripada Amerika Syarikat, adakah terma-terma atau syarat-syarat yang sama yang diberi kepada pihak Malaysia untuk mengadakan kilang-kilang membuat alat-alat ganti kerana kalau ada skim seperti ini sekurang-kurangnya industri lain seperti industri sekunder mungkin akan mendapat faedah daripada pemindahan teknologi daripada pesawat-pesawat yang begitu canggih. Memang ada teknologi yang canggih.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

4.28 ptg.

Menteri Pertahanan (Dato'Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan tahun 1994 bagi Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh berkenaan dengan cadangan mewujudkan suatu national service ataupun kerahan tenaga bagi mengatasi masalah kekurangan anggota yang bersedia untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Perkara yang sama juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Perkara mengadakan national service ini ataupun kerahan tenaga telah dinyatakan berulang kali dalam Dewan ini bahawa Kerajaan pada masa ini tidak ada cadangan untuk melaksanakan kerahan tenaga, kerana langkah ini akan menelan belanja yang begitu besar sekali, bukan sahaja dari segi pentadbiran ataupun dari segi upah gaji dan elaun yang terpaksa dibayar, tetapi perlulah disedari bahawa setiap anggota tentera perlu dengan kelengkapan dan peralatan.

Jika kita melaksanakan kerahan tenaga, kita tidak boleh memberi pengecualian kepada sesiapa pun. Mungkin saiz Angkatan Tentera kita akan melambung naik dalam sekelip mata dan melibatkan perbelanjaan negara yang terlalu besar. Justeru itu, Kerajaan lebih cenderung kepada mengekalkan sistem yang sedia ada, di mana kita menjalankan sistem pertahanan negara kita berdasarkan kepada dua lapisan dudukan Angkatan Tentera iaitu Barisan Pertama yang dianggotai oleh anggota tetap dan sebagai sokongan Barisan Kedua Sukarelawan yang akan merupakan barisan pertahanan kedua untuk negara kita. Walau bagaimanapun, kalaulah perkara ini didapati amat mendesak dan perlu dilaksanakan perkara ini boleh dikaji semula pada masa-masa yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut dan Padang Terap telah menyentuh tentang betapa perlunya peralatan yang lebih canggih dibeli bagi menggantikan

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya menerima hakikat, tujuan dan matlamat Kerajaan, tetapi memandangkan kekurangan minat di kalangan masyarakat untuk memasuki perkhidmatan tentera, di semua perkhidmatan, apakah langkah-langkah supaya perkhidmatan dalam Angkatan Tentera, bukan sahaja di peringkat pegawai tetapi juga di peringkat bawah sekali, 'remain competitive' dan boleh menarik perhatian dan minat orang ramai supaya Angkatan Tentera tidak kehakisan anggota.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, untuk menarik minat lebih ramai mudamudi kita untuk menganggotai Angkatan Tentera Malaysia, kita perlu melihat dari segi kemudahan ataupun syarat-syarat pekhidmatan yang dapat ditawarkan oleh ATM dari masa ke semasa. Perkara ini sentiasa dikaji oleh Kerajaan dan kita akan mengumumkan perubahan-perubahan yang dapat kita lakukan dari masa ke semasa.

Tetapi suatu perkara yang harus kita sedari ialah bahawa ATM juga terikat kepada skim perkhidmatan Kerajaan yang bererti bahawa kalaulah ada kajian semula, ini melibatkan perkhidmatan yang lain juga yang terpaksa dilakukan secara serentak. Dalam keadaan ekonomi yang berkembang begitu pesat sudah tentu tarikan untuk menyertai sektor swasta, umpamanya, adalah jelas lebih menarik daripada menjadi anggota tentera ataupun memasuki perkhidmatan Kerajaan. Namun demikian, perkara ini tidaklah begitu genting sehingga meng-

akibatkan pertahanan negara kita menjadi lemah ataupun menjadi tertekan, walaupun minat anggota-anggota golongan muda kita agak berkurangan, tetapi keadaannya masih lagi boleh kita pertahankan pada masa sekarang.

Berkenaan dengan alat-alat yang lebih canggih yang perlu dibekalkan kepada ATM, Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini kerana kita telah begitu lama tidak membeli peralatan yang dapat menggantikan peralatan yang digunakan oleh tentera kita. Umpamanya, kita masih ada kapal ronda yang sudah terlalu lama dan berusia 25 tahun, yang masih lagi terpaksa kita gunakan. Di dalam beberapa keadaan, kapal ronda kita lebih kecil daripada bot pukut tunda yang terpaksa ditawan oleh mereka, yang mencero bohi kedaulatan kawasan lautan kita oleh rakyat negara jiran kita.

Justeru itu, proses memodenkan Angkatan Tentera ini perlu dilakukan. Soalnya ialah sama ada kita mahu kepada sistem pertahanan yang berkesan atau tidak. Kalau kita mahu kepada sistem pertahanan yang berkesan, kita perlu memperuntukkan sebahagian daripada kewangan negara, sekadar yang termampu, tanpa menjejaskan perkembangan ekonomi, supaya kita dapat memiliki sistem pertahanan yang mampu mengawal dan menjaga kepentingan serta kedaulatan negara kita.

Dalam perkara ini kita tidak ada pilihan. Kalau kita hendak sistem pertahanan yang berupaya tinggi, yang disegani dan digeruni oleh orang lain, kita terpaksa memperuntukkan kewangan ke arah ini. Pada saya, inilah satu perkara yang tidak boleh kita abaikan. Kalau sistem pertahanan negara kita terlalu lemah, pada suatu hari nanti kita akan menghadapi satu keadaan, yang

pada hari ini kita tidak dapat menduga dan kita tidak dapat memainkan peranan yang lebih penting, umpamanya, di bawah panji Bangsa-bangsa Bersatu ataupun menolong negara-negara sahabat kita yang menghadapi masalah. Oleh itu, perbincangan tentang betapa banyak kita perlu belanja untuk sistem pertahanan negara kita, adalah satu perbincangan yang mestilah dilihat dari segi perspektif yang sebenarnya tanpa menggunakan ungkapan-ungkapan yang emosi ataupun 'emotive', dengan izin, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah cuba menggambarkan bahawa Kerajaan tidak bertanggungjawab untuk melakukan usaha yang lebih berkesan supaya kita dapat memiliki sistem pertahanan yang disegani dan kukuh. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Barisan Nasional semuanya menyokong betapa perlunya kita mempunyai sistem pertahanan yang sebaik mungkin sebagai satu langkah yang mempunyai nilai deterrent yang tinggi. Perlu saya jelaskan di sini

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, bahawa kita sudah lama tidak membelanjakan peruntukan untuk menggantikan aset-aset kita yang usang, umpamanya, kapal terbang yang terlalu lama yang berusia lebih 20 tahun, kenderaan yang sepatutnya diganti, tetapi tidak diganti, kapal ronda yang berusia 25 tahun dan sebagainya. Dalam keadaan yang sedemikian, bukan sahaja orang yang menggunakan kenderaan dan peralatan ini terdedah kepada risiko yang lebih tinggi kepada diri mereka sendiri,

tetapi dari segi penyenggaraan juga akan menelan belanja yang lebih besar, kerana dari segi kos operasinya, sudah tentu terlalu tinggi kalau kita terus menggunakan peralatan-peralatan yang usang dan terlalu lama ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Saya sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Okay.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, oleh itu kita mesti melihat kepada satu rancangan yang menuju kepada satu matlamat. Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah menyebut tentang perlunya ada Dasar Pertahanan Negara dan sebenarnya memang kita ada Dasar Pertahanan Negara dan dasar ini telah dikaji semula dan telah dikemaskinikan dan dari segi panduan Kerajaan sudah ada Dasar Pertahanan Negara.

Sekarang ini Kerajaan sedang menimbang sama ada Dasar Pertahanan Negara ini wajar dibentangkan sebagai satu Kertas Putih ataupun tidak. Setengah negara telah mengambil langkah membentangkan Dasar Pertahanan Negeranya sebagai satu Kertas Putih untuk pengetahuan umum memahami akan apa dia Dasar Pertahanan Negara dan apa penekanan, apa peranan rakyat dan apa dia rasional yang digunakan oleh Kerajaan untuk tujuan pertahanan negara.

Kalaulah kita memerlukan kepada sistem pertahanan negara yang berkesan, kalaulah dalam soal kedaulatan negara

tidak boleh ada komprominya, maka apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menambahkan peruntukan pertahanan adalah wajar dan sepatutnya dialu-alukan kerana langkah ini mengisi ke arah pencapaian matlamat memperlihatkan kepada sistem pertahanan yang boleh disegani oleh pihak-pihak yang lain.

Sejarah telah membuktikan bahawa negara yang lemah akhirnya terdedah kepada ancaman keselamatan. Kalau kita maju dari segi ekonomi, kalau kita tinggi dari segi pendapatan pun, tetapi kalau kita tidak mahu membelanjakan kemampuan negara untuk menegakkan sistem pertahanan yang kukuh, maka pada saya kita mendedahkan negara kita kepada kemungkinan-kemungkinan yang pada akhirnya akan merugikan kita dan merugikan rakyat negara kita.

Pada saya, jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan pada masa ini yang ditambah untuk Kementerian Pertahanan dalam lingkungan 4% hingga 4½% daripada KDNK adalah satu jumlah perbelanjaan yang amat munasabah kerana selama ini kita belanja setakat 2% hingga 2½% sahaja – terlalu rendah. Tetapi pada masa dahulu, ancaman kita ialah untuk menghapuskan ancaman komunis, perang gerila merupakan keutamaan yang terpaksa kita hadapi sejak negara merdeka sehinggalah pada tahun 1989. Tetapi sekarang ini kita melihat ke hadapan, kemungkinan dalam keadaan senario dunia pasca perang dingin ataupun post-Cold War period di mana kita terdedah kepada keadaan yang tidak menentu ataupun, dengan izin Tuan Pengerusi, uncertainties.

Apabila kita berdepan dalam keadaan yang tidak menentu, sebagai orang yang bertanggungjawab merancang pertahanan negara, kita tidak boleh tidak, mesti membuat persediaan untuk menghadapi

keadaan yang tidak menentu ini ataupun uncertain. Saya tidak mahu dipersoalkan di dalam Dewan ini, kalau sekiranya sesuatu keadaan berlaku di mana kemampuan ATM dipertikaikan untuk mematah sesuatu keadaan yang timbul dalam keadaan yang mengejut. Pada masa itu, kita akan menyesal tetapi kita sudah terlambat kerana keadaan boleh berubah dengan sekelip mata. Kita tidak boleh mengagak dan kita tidak boleh mengandaikan senario-senario yang mungkin timbul pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, ini bukan bererti bahawa kita terlalu merasakan sesuatu yang akan berlaku ataupun terlalu pessimistic bahawa keadaan akan berubah tetapi pada saya, kalau kita membelanjakan untuk pertahanan negara dan sesuatu tidak yang tidak diinginkan tidak berlaku bererti bahawa itu sudah merupakan satu pelaburan yang menguntungkan. Kita belanja untuk pertahanan bukan kerana kita hendak melakukan peperangan. Kita belanja untuk pertahanan kerana kita hendak mengelakkan kemungkinan adanya sesuatu konflik dalam bentuk ketenteraan dan kalau kita belanja pada kadar sekarang ini dan diteruskan dalam tahun 90-an ini sehingga lepas tahun 2000, saya yakin kita akan mempunyai sistem pertahanan yang credible satu hari nanti.

Pada saya sekarang ini, sistem pertahanan kita masih lemah lagi dan belum sampai kepada tahap yang boleh menggeruni pihak-pihak tertentu. Oleh itu proses ini perlulah kita teruskan dan dengan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan kepada langkah ini, kita telah mengambil beberapa keputusan yang penting misalnya yang diutamakan dari segi sistem pertahanan udara. Kita telah membuat keputusan membeli 18 buah kapal terbang pejuang MiG-29 dan 8 buah kapal terbang pejuang FA-18D. Ini

merupakan satu kombinasi yang saya kira amat hebat dan amat berkesan sekali dan apabila kita memiliki pesawat-pesawat ini, yakni MiG-29 akan tiba dalam masa setahun selepas kita menandatangani kontrak dan kita belum lagi menandatangani kontraknya dalam proses akhir, kita akan memiliki 18 buah MiG-29 untuk pertahanan udara dan bagi pembelian FA18D dijangka tiba pada tahun 1997. Bererti kita akan mempunyai sistem pertahanan udara yang agak mempunyai daya kemampuan yang sangat tinggi.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa dalam aspek-aspek yang lain perlu juga diberi perhatian. Umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Jelebu sebut tentang Tentera Darat. Saya amat sedar bahawa kekurangan Tentera Darat perlulah diperbetulkan dan kemungkinan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kalaulah dalam Rancangan Malaysia Keenam kita memberi keutamaan kepada Tentera Udara dan Tentera Laut, ada kemungkinan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita akan memberi peruntukan yang lebih dari segi menambahkan peralatan dan kelengkapan untuk Tentera Darat.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik saranan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu tentang perlunya kita naikkan taraf Maktab Diraja Sungai Besi supaya dapat merupakan sebuah akademi tentera seperti West Point di Amerika Syarikat.

Kita sudah ada perancangan, tetapi kita tidak ada peruntukan setakat ini. Inilah di antara perkara yang kita akan perjuangkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh, yakni mewujudkan satu akademi tentera dan menggabungkan Maktab Pertahanan (National Defence College) dan Staff College di tapak yang

baru supaya kita ada akademi tentera untuk mereka yang bakal masuk dan sebuah akademi lagi, peringkat War College untuk mereka yang sudah berkhidmat dapat diberi latihan yang lebih tinggi ilmiahnya pada masa-masa yang akan datang. Dari segi pembangunan kemanusiaan (manpower development) ia adalah satu perkara yang penting dan saya amat berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada cadangan yang sudah ada di dalam perancangan Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, suka saya jelaskan bahawa dari segi saiz Angkatan Tentera – Ahli Yang Berhormat dari Jelebu ada sebut apa dia saiz Angkatan Tentera yang difikirkan sesuai – kita sudah pun membuat kajian dan saiz Angkatan Tentera akan menuju kepada bilangan seperti berikut, yakni menjelang tahun 2000, saiz Tentera Darat akan dikurangkan kepada 80,000, saiz Tentera Udara akan dinaikkan kepada 15,000 dan Tentera Laut kepada 15,000. Kesemuanya 114,000 akan merupakan saiz ATM menjelang tahun 2000.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut tentang perumahan – iaitu elaun RM85 tidak cukup. Saya setuju, tak cukup. Kita sedang berusaha dan pada masa sekarang ini kita sedang mengadakan perundingan dengan agensi-agensi Pusat kerana Kementerian tidak boleh membuat keputusan sendiri dan dijangka tidak lama kita dapat umumkan kadar yang baru sebab Kabinet telah bersetuju bahawa kadar ini perlu dinaikkan. Cuma jumlahnya, tertakluk kepada kajian yang lebih teliti sebab harga rumah setinggan di Wilayah ini yang paling rendah ialah RM150 sebulan dengan api dan air. Jadi, RM85 memanglah satu keadaan yang amat tertekan bagi anggota-anggota kita. Saya juga amat sedih, ada juga anggota

kita yang menyewa rumah yang dibuat oleh pendatang luar. Ini satu keadaan yang sebenarnya mengharukan kita.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pasukan Timbalan Setia Diraja Johor, perkara ini sedang dalam proses. Kita akan membuat tawaran dan kita sedang menunggu tawaran daripada Kerajaan Negeri sebab kita terpaksa memberi pilihan atau option kepada mereka sama ada hendak masuk ATM, masuk perkhidmatan Negeri ataupun hendak berhenti sama sekali. Inilah tiga option yang kita akan tawarkan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya memberi jaminan bahawa dari segi keputusan Kerajaan dalam soal pembelian peralatan, kita akan memberi pertimbangan supaya kita tidak terdedah kepada keadaan di mana penyelenggaraan pesawat umpamanya, menimbulkan tandatanya. Jadi, dalam pembelian pesawat MiG-29, kita akan teliti supaya soal support atau bantuan untuk menyelenggarakan pesawat ini diambil kira dan juga dari segi political risk, dengan izin, juga kita ambil perhatian.

Tentang saranan daripada Yang Berhormat dari Arau yang bersetuju supaya Perjanjian FPDA (Five Power Defence Arrangement) tidak perlu dikaji semula, tetapi dari segi pembelian peralatan dari negara Australia, beliau menyarankan supaya kita tidak membeli peralatan dari negara Australia supaya menunjukkan sikap kita tidak senang sama sekali dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri negara Australia. Dalam perkara ini, saya telah juga membuat kenyataan bahawa dari segi dasar kerjasama pertahanan, ini boleh diteruskan, tetapi dari segi pembelian peralatan, itu terpulang kepada budi bicara Kerajaan Malaysia untuk membuat keputusan. Kita tidak semestinya merasakan kita

perlu membeli peralatan daripada mana-mana negara. Kalau kita merasa tidak senang dengan mana-mana negara, kita boleh memilih negara yang lain kerana opsyennya terlalu banyak pada masa sekarang. Malah dari segi pembelian peralatan, boleh dikatakan adalah sebagai buyers' market.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada dia rasa kita mesti beri satu 'open cheque' kepada Kementerian oleh sebab gambaran dan scenario yang diberi kepada kita oleh beliau dalam segi peralatan udara dan sebagainya. Dalam segi peralatan laut, udara dan sebagainya, saya hendak tahu bagaimana kriteria atau keputusan dibuat oleh Kementerian, khususnya dalam peralatan laut? Oleh sebab dalam beberapa mesyuarat lalu, saya ada kritikan pembelian "Covette". Pada masa itu, Timbalan Menteri sudah kecam apa yang dibangkitkan oleh saya.

Sekarang kita difahamkan dan diberitahu bahawa kita tidak mahu membeli "Covette" lagi, hendak beli dua buah frigate. Dua tahun lalu Yang Berhormat Menteri pun ada mengatakan kita perlu 16 buah OPV (Offshore Patrol Vessels) tetapi sekarang kita diberitahu kita perlu 27 buah vesel (OPV). Bagaimana keputusan itu dibuat? Bagaimana rakyat Malaysia boleh setuju dengan keputusan itu yang nampaknya arbitrary?

Satu lagi, mengenai pembelian MiG, Hornet dan lain-lain peralatan? Adakah satu keputusan dibuat oleh Kerajaan di

mana segala pembelian itu melalui Kerajaan ke Kerajaan atau Government-to-Government basis dan bukan melalui agen tempatan? Barangkali rakyat Malaysia tidak tahu – dahulu kalau MiG-29 itu melalui agen tempatan, ini akan melibatkan komisen agen sebanyak RM320 juta. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan mengenai bagaimana kita boleh menjimatkan wang rakyat Malaysia?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Petaling Jaya menggambarkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Kerajaan ini terlalu arbitrary ataupun *ad hoc*, tidak melalui kajian yang begitu teliti. Sebenarnya, setiap keputusan yang dibuat oleh Kerajaan bukanlah satu keputusan yang dibuat oleh saya sendiri ataupun Kementerian Pertahanan sendiri, tetapi keputusan itu dibuat bersama. Maknanya banyak pihak yang lain terlibat. Sebelum sesuatu keputusan itu dibuat, adalah dibincang sama ada hendak beli berapa banyak, apa jenis yang hendak dibeli dan juga berapa banyak peruntukan kewangan yang wajar diperuntukkan untuk sesebuah pembelian itu.

Umpamanya, dari segi pembelian Covette yang dikatakan ditukar kepada frigate. Sebenarnya daripada awalnya spesifikasi yang ditetapkan oleh kita lebih menepati sebuah frigate dan apabila kita sudah menyelesaikan perundingan dengan pihak pembekal, kita merasakan lebih baik kita memberitahu kepada umum bahawa yang kita beli ini ialah sebuah frigate. Sebab peralatan frigate kita ini boleh dikatakan adalah terbaik di rantau ini. Jadi tidak kena kalau kita hendak beritahu bahawa ini adalah sebuah Covette, walhal semua orang tahu bahawa ini adalah sebuah frigate. Jadi sebab itulah kita buat

keputusan untuk menyatakan bahawa kita membeli dua buah frigate dan pembelian dua buah frigate ini menguntungkan kita kerana pada masa kita mengadakan perbincangan, nilai pertukaran wang asing Sterling pada masa itu, 1 pound bersamaan RM5.00. Pada masa kita menandatangani kontrak, 1 pound bersamaan RM3.80. Daripada pertukaran wang asing itu sahaja kita telah mendapat keuntungan yang amat besar sekali.

Dari segi kapal OPV ini, kita di peringkat pertama menyatakan 18 buah, sebab 18 buah merupakan replacement. Maknanya kita akan decommission patrol vessel yang ada sekarang ini sebab ia sudah usang dan terlalu lama dan gantikan dengan yang baru. Jadi kalau kita buat setakat 18 buah sahaja bererti tidak ada penambahan dari segi saiz fleet kita. Sebab itulah kita memikirkan 18 buah, ditambah dengan 9 buah, bererti 27 buah – ada penambahan. 9 buah kapal ronda tambahan untuk keperluan negara kita.

Jadi sebab itulah kita buat keputusan hendak buat 27 buah. 27 buah ini pun dibuat di dalam negara kita – akan dibuat di Lumut oleh Naval Dockyard. Bererti bahawa sebahagian besar daripada wang pusingan itu akan berputar dalam sistem ekonomi negara dan tidak akan mengalir keluar. Ini berbeza dengan pembelian-pembelian yang lain. Ini merupakan peningkatan. Jadi tidak ada ruginya kalau kita hendak beli 18 buah, kita tingkatkan kepada 27 buah ataupun lebih daripada 27 buah kerana kapal-kapal itu akan dibina di dalam negara kita.

Soal pembelian, kita lebih minat bahawa pembelian ini dilakukan atas 'G to G'. Tetapi terpulanglah kepada negara berkenaan kalau misalnya mereka hendak melantikkan wakil mereka di sini, itu terpulang kepada mereka. Kita tidak mempengaruhi keputusan. Itu terpulang kepada mereka. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,155,786,000 untuk Maksud B. 25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,155,786,000 untuk Maksud B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,211,339,000 untuk Maksud P. 25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1994 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Wang sebanyak RM2,211,339,000 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1994.

*Maksud B. 26 dan B. 27 (Jadual) —
Maksud P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan) —*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B. 26 dan B. 27 dan Kepala Pembangunan P. 26 dan P. 27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Padang Terap.

5.04 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 160 di bawah Bekalan B. 26 iaitu Program Aktiviti 020700 – Pendidikan Pra-Sekolah. Di dalam diskripsi Aktiviti Pendidikan Prasekolah ini disebut menyediakan kemudahan pendidikan pra-

sekolah khususnya untuk kanak-kanak di kawasan luar bandar dan di kalangan kanak-kanak miskin di bandar. Daripada tahun 1992 sehingga 1994, bilangan pusat-pusat prasekolah ini tidak berubah, iaitu daripada 1,131 dan tahun 1992 hingga 1994 hanya bilangan penuntutnya ataupun muridnya berubah.

Saya hendak membangkitkan perkara ini di Dewan ini, Tuan Pengerusi, kerana pihak Kementerian hanya baru-baru ini mengambil satu usaha untuk menyebarkan aktiviti ini dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian yang mana aktiviti melibatkan penyediaan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak lingkungan umur lima tahun dalam bidang-bidang berikut:

- (i) perkembangan pendidikan dan ketatanegaraan;
- (ii) perkembangan kognitif, efektif dan psikomoto; dan
- (iii) pendidikan kerohanian dan moral.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, apakah kandungan-kandungan yang dimaksudkan dengan perkembangan kognitif, efektif dan psikomoto, kerana saya sangat berminat di dalam usaha kita untuk membina satu bangsa Malaysia, iaitu bangsa Malaysia yang betul-betul dapat memenuhi kehendak sasaran Wawasan 2020. Satu bangsa Malaysia bukan setakat mempunyai keseimbangan rohaniah dan jasmaniahnya, perseimbangan dunia dan akhiratnya, tetapi juga satu masyarakat Malaysia yang mempunyai keyakinan dirinya pada tahap yang tinggi iaitu 'self confidence' pada tahap yang tertinggi.

Kerana, Tuan Pengerusi, soal 'self confidence' di kalangan bangsa Malaysia adalah satu perkara yang kritikal pada

masa ini. Saya berani kata di sini bahawa ciri-ciri 'inferiority complex' sangat berleluasa di dalam bangsa Malaysia pada masa ini dan ianya telah dipamerkan dan dipampangkan melalui banyak perlakuan dan juga banyak tindak-tanduk bangsa kita.

Tuan Pengerusi, biar saya menerangkan sedikit 'inferiority complex' ini. Jadi, apa yang dipanggil 'inferiority complex' ialah suatu keadaan minda ataupun 'the state of mind', dengan izin, yang merasakan dirinya kekurangan sesuatu berbanding dengan satu kumpulan ataupun satu-satu individu. Justeru itu, seseorang ataupun kumpulan yang mempunyai complex ini akan bertindak menudung perasaan ini seperti meniru orang ataupun kumpulan yang dibandingkan dirinya.

Jadi, ini adalah satu 'state of mind' yang mana dipamerkan ataupun ditunjukkan melalui sindrom-sindrom yang ada sekarang. Kadang-kadang apabila sindrom ini berlaku, kita tumpang malu. Misalannya baru-baru ini di dalam satu rencana Televisyen Malaysia, memang rencana itu dibuat di dalam Bahasa Inggeris yang mana orang yang menjalankan rencana ini iaitu seorang penyanyi Malaysia yang ada perbualannya dengan "audience"-nya. Apabila seorang daripada penonton itu bangun bertanya dalam Bahasa Melayu – dalam Bahasa Kebangsaan, penonton itu adalah seorang Jepun dari Tokyo. Bila dia tanya penyanyi yang masyhur ini – orang Malaysia, rakyat Malaysia, full-blooded Malaysian, red-blooded Malaysian – bukan ada campuran apa-apa – memang orang Malaysia. Jadi apabila ditanya dalam Bahasa Malaysia oleh seorang Jepun yang datang dari Tokyo, "si Malaysia" ini jawab dalam Bahasa Inggeris. Orang Jepun itu bertanya dalam Bahasa Malaysia. Jadi, kita orang Malaysia tumpang malu. Malu kepada

“si Jepun” itu yang bercakap dalam Bahasa Malaysia yang penuh fasih dan orang Malaysia di Malaysia jawab dalam Bahasa Inggeris.

Saya tidak marah kepada penyanyi ini. Ini adalah satu daripada sindrom ‘inferiority complex’. Padanya hendak jawab dalam Bahasa Malaysia mungkin dia fikir dirinya rendah. Mungkin dia bandingkan dirinya dengan ‘Diana Ross’kah, dia bandingkan dirinya dengan ‘Madonna’kah (*Ketawa*) ataupun dia bandingkan dirinya dengan sesiapa yang dijadikan “role model”nya dan lain-lain lagi. Macam nama, seperti mana yang saya cakap dalam Perhimpunan Agung UMNO – nama. Kalau gunakan nama Malaysia apa salahnya. Apabila “Bakar” menjadi “Burn”. Jaafar menjadi “Jeff”, jadi ini sudah bercelaru dan inilah sindrom-sindrom

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingin tahu juga penyanyi ini beratlah kalau dia buat perangai macam ini. Saya ingin tahu adakah penyanyi ini namanya “Zainal”?

Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya akan bisik kepada Yang Berhormat dari Jerai. Ini bukan nama “Zainal” tetapi baru-baru ini di dalam TV Malaysia, saya tidak mahu sebutlah, sebab dia tidak ada di sini. Saya hanya menyebutkan insiden itu. Saya tidak mahu mencemarkan nama beliau kerana saya bukan memarahi beliau. Saya memarahi sistem di mana beliau disosialisasikan.

Jadi, soal ini, Tuan Pengerusi, mesti dijaga daripada awal pada peringkat prasekolah ini. Elemen yang disebut ini, iaitu ‘kognitif, efektif dan psikomoto’ ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Padang Terap sebab selalu tinggi falsafahnya (*Ketawa*) sehingga kepada soal nama, dari segi soal budaya ini. “Jaafar” jadi “Jef” disebut “inferiority complex”, orang Jepun cakap Bahasa Melayu, dijawab dalam Bahasa Inggeris sehingga dikaitkan dengan soal nama. Saya ingin bertanya apa ada pada nama, pada Yang Berhormat dari Padang Terap ini? Sebab selalu kita bercakap soal pakaian. Pakaian cantik pun, semua sekali, kalau perangai buruk – buruk. Kalau nama itu elok tetapi perangai buruk, buruk juga. Ramai orang menggunakan “Muhammad”, nama Junjungan Besar Nabi Muhammad. Tetapi ada teruk macam Yang Berhormat dari (*Ketawa*) Tidak, saya tidak sebut nama Yang Berhormat dari Nilam Puri – tidak. (*Ketawa*) Saya tidak ada maksud sebab Yang Berhormat dari Arau, dia tengok saya, saya pun terpandang Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Nilam Puri. Tetapi maknanya, apa ada pada nama? Saya ada kaitan dari segi soal ini, jadi saya minta Yang Berhormat dari Padang Terap tolong memperjelaskan lagi supaya hilang setengah-setengah keraguan kawan-kawan yang mempersoalkan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Pengerusi, jadi apa yang saya cakap tadi dengan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil dari Pasir Mas adalah berasingan "level"nya, tetapi soal moral memang ada pada namanya. Kita orang-orang Islam di kalangan orang Islam, apabila hendak menamakan anak, biarlah nama itu merupakan nama sunat, nama itu merupakan nama yang baik. Tetapi apa yang dibangkitkan tadi, atau apa yang saya tekankan di sini ialah kita mesti membina "the level of confidence", dengan izin. Tahap kepercayaan ataupun kepada diri sendiri dengan tinggi supaya kita bangsa Malaysia, kita menguasai Bahasa Inggeris, memang. Saya cukup bersetuju. Kita menguasai Bahasa Cina seperti Hang Tuah menguasai bahasa Cina dahulu. Kita menguasai bahasa-bahasa lain, tetapi jangan beri bahasa dan budaya orang itu menguasai kita.

Jadi, tentang pada nama ini, nama ini memang penting. Kalau kita namakan "Ibrahim", fasal apa sebut nama "Abe"? "Abe" itu buruk. (*Ketawa*) Jadi, apa . . . ? (*Ketawa*) A-B-E. Jadi, ramai orang kita sekarang ini, Tuan Pengerusi, orang lain tidak apa. Saya adalah orang Melayu yang beragama Islam – orang Melayu yang beragama Islam. Nama Islamnya itu sudah baik. Kalau "Bin" disebut "Ben", buat apa? "Bin"lah. "Bin" anak kepada, "Ben" itu anak kepada juga tetapi bahasa Yahudi (Hebrew).

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, banyak sindrom-sindrom ini berlaku di kalangan bangsa Melayu khususnya dan bangsa Malaysia amnya. Kerana inilah saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan setakat apa satu perkataan yang canggih – "kognitif, efektif dan psikomoto". Bagaimana kita hendak mengajar anak-anak kita yang berumur lima tahun itu mempunyai "confidence level", dengan izin, yang tinggi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai dengan nama-nama ringkas ini yang boleh bawa maksud lain. Saya bersetuju sebab dia boleh bawa makna yang tidak baik. Tetapi kadang-kadang saya dengar Yang Berhormat dari Padang Terap, sebagai seorang doktor, orang tidak panggil "Affifudin" tetapi orang panggil "Doc". "Dog" itu anjing. (*Ketawa*) Tetapi kenapa dalam percakapan itu tidak pernah dihalang? Kenapa tidak pernah dihalang supaya jangan panggil "doc"? Panggil saya "doctor". (*Ketawa*) Sebab saya pernah dengar Yang Berhormat cakap dekat lobi, orang panggil "doc", Yang Berhormat pun suka sahaja. Ini maksudnya. Terima kasih. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Terima kasih. Tuan Pengerusi, itu saya tidak mahu panjangkan, kerana "doc" adalah universal-universal. Jadi "D-O-C", saya pun katakan tadi, Abe itu "A-B-E". Saya ada kawan-kawan yang bernama "Ibrahim" suka disebut sebagai "Abe". (*Ketawa*) "Jaafar" bukan saya maksudkan kepada Yang Berhormat. Yang saya maksudkan ialah setengah itu macam nama "Jaafar" bubuh nama "Jeff". "Khatijah" dinamakan "Kathy".

Dahulu kita biasa dengar penyanyi-penyanyi kita yang baru hendak naik. Apabila di 'interview', dia kata dia hanya boleh menyanyi dalam Bahasa Inggeris. Dia akan cari makan dalam nyanyian Inggeris. Tetapi akhirnya, selepas 10 tahun, dia mencari makan dalam nyanyian Melayu. Jadi, ini yang kita sebut – saya mahu bangsa Melayu, bangsa Malaysia pada tahun 2020 men-

jadi satu bangsa yang boleh berdiri di atas identitinya sendiri. Tidak payah dok cakuk-cakuk dengan identiti orang lain. Kalau dia rupa bangsa Malaysia, dia bangsa Malaysia.

Kita sekarang ini, Tuan Pengerusi, satu daripada sindrom-sindrom dalam budaya kita, kalau kita tengok, macam kita pergi ke restoran Melayu yang baru dibuat oleh Tan Sri Azman. Tiap-tiap satu tarian yang dipersembahkan itu selalu diperkenalkan, "Ini berasal dari Parsi, ini berasal dari Turki, ini berasal dari India", sehingga tarian Malaysia tidak ada langsung! Ini adalah satu sindrom "inferiority complex". Pernahkah American yang menhidangkan tarian "Watusi" berkata bahawa ianya bermula dari Afrika? Tidak pernah dia kata "Watusi" dari Amerika, Amerikalah yang melakukannya.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Kalau Yang Berhormat dari Kepong mempunyai rupa bukan Cina 100%, kita kata dia masih lagi keturunan Cina. Kita tidak kata dia keturunan Mongolkah ataupun Tartarkah. (*Ketawa*)

Jadi, Kalau Yang Berhormat dari Tumpat mempunyai rupa Caucasiankah, kita tidak kata dia berasal dari Parsi. Satu hari, kita kata dia adalah orang Kelantan, anak Malaysia dan keturunan Melayu. Sekarang ini, kita semuanya tidak ada apa yang merupakan sejati Malaysian. Kita selalu kaitkan dengan orang lain. Zapin berasal dari Parsi. Jadi ini menunjukkan satu sindrom "inferiority complex" yang berleluasa di kalangan bangsa Malaysia, di kalangan masyarakat kita.

Saya minta supaya pihak Kementerian yang pada masa ini dianggotai oleh semua orang-orang yang berpelajaran tinggi, Ketua Pengarahnya, Datuk

Dr. Wan Zahid, seorang ahli pendidikan yang berpelajaran tinggi. Saya minta Datuk Dr. Wan Zahid membuat satu perancangan ada dua-tiga orang Ph.D dari Harvard University, bukan universiti selekeh, membuat perancangan yang betul-betul supaya pada tahun 2020, bangsa Malaysia yang kita lahirkan pada masa itu, termasuk kita sendiri, supaya kita dapat menjadi satu bangsa yang saya katakan tadi, boleh berdiri di atas identitinya sendiri, bukan identiti orang lain. Bukan yang hanya memikir dirinya "inferior" kepada orang lain. Apabila kita merasa "inferior", maka kita hendak menudung perasaan ini dan mengambil indentiti orang lain, menudung kepada kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya bertolak kepada Butiran 03000 di bawah Program 030200 – Pendidikan Vokasional. Saya dengar baru-baru ini iaitu Kementerian dan Jabatan Pendidikan mula mengenakan syarat kelulusan untuk masuk ke sekolah vokasional kepada tahap yang tinggi – Gred 2 dan Gred 1. Saya fikir apabila dibuat sebegini, kita telah menyimpang daripada tujuan kita adakan sekolah vokasional ini. Apa yang dipanggilkan dalam ilmu sosiologi, "goal displacement", dengan izin, penyimpangan matlamat.

Kerana, Tuan Pengerusi, apabila pendidikan vokasional diperkenalkan di dalam sistem pendidikan kita dahulu, ianya dikhaskan untuk penuntut-penuntut yang tidak berkeupayaan di dalam bidang akademik. Kita hendak membina penuntut-penuntut ini di dalam bidang vokasional yang mana ia lebih sesuai. Tetapi kalau kita mula meningkatkan ataupun menaikkan tahap kelulusan kelayakannya, maka kita telah pun menyimpang daripada perkara ini. Apakah akan jadi kepada penuntut-penuntut yang dapat Gred 3, dan apa akan jadi kepada penuntut-penuntut yang dapat lebih rendah daripada peringkat Form 3?

Jadi, saya mintalah supaya pihak Kementerian kalau telah pun melakukan ini, ianya dapat diperbaiki kerana kita amat memerlukan. Memang saya tahu mungkin Timbalan Menteri akan menjawab bahawa di dalam bidang teknikal, kita memerlukan technical capability, dengan izin, yang lebih tinggi. Tetapi apakah budak-budak Form 3 tidak boleh buat yang lebih tinggi? Apakah beza di antara Gred 2 dengan Gred 3?

Kalau Tuan Pengerusi ingat dulu, di masa saya Form 5, masa itu baru hendak di "Malaysianise"kan pilot ataupun juruterbang di dalam RMAF. Dia mahu Gred 1. Apabila dia hendak Gred 1, dia hendak kredit dalam Fizik, dia hendak kredit dalam Additional Mathematics dan dia hendak kredit di dalam Elementary Mathematics. Mana ada orang yang boleh menjadi pilot pada masa itu. Budak-budak yang main rugby macam saya tidak ada chancelah. Hanya budak "bookworm" yang kurus kedekiang, dia itu yang akan menjadi pilot. Apabila budak itu menjadi pilot, dia tidak akan menjadi pilot perwira yang baik. Jadi,

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya pun berasal dari Utara, begitu juga Yang Berhormat Padang Terap. Tetapi "kedekiang" itu apakah maknanya? Saya tidak dapat faham. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: "Kurus kedekiang" itu dia teruklah, melengkuklah. (*Ketawa*) Badan dia "kiat". (*Ketawa*) Saya tidak mahu sebut macam siapalah. (*Ketawa*)

Tetapi, Tuan Pengerusi, pada masa itu kita mempunyai pilot yang "bookworm". Yang sebenarnya, orang-orang pilot yang Gred 1 dengan kredit di dalam mata pelajaran yang saya sebutkan tadi, sepatutnya pergi ke universiti bukan menjadi pilot. Akhirnya, apabila Kerajaan mengubah dasar, maka budak-budak Gred 3 diambil dan dilatih menjadi pilot. Saya pasti kebanyakan senior pilot di dalam MAS sekarang ini adalah semua daripada Gred 3, dilatih di Indonesia. Pergi check kalau tidak percaya, sebab budak-budak Gred 3 daripada sekolah luar bandar macam di Kuala Nerang, Padang Terap, Tumpat, Bachok dan Larut. Gred 3 di Larut macam Gred 2 di VI. Dulu dan sekarang sama. Apabila diberi kemudahan, dia boleh jadi. Cuba lihat semua senior pilot di MAS yang membawa 747. Kebanyakannya Gred 3 dan bukan dilatih di Amerika tetapi dilatih di Indonesia dan menjadi Captain of the fleet.

Jadi, di sini saya meminta Kementerian Pendidikan mesti betul-betul menyalurkan perkara ini dengan betul supaya tidak teraniaya penuntut-penuntut dan anak-anak kita khususnya daripada luar bandar yang akan tertinggal dengan adanya apa yang kita panggil tadi satu pemilihan yang tidak begitu adil.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, mengenai dengan pendidikan tinggi

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat tidak sedar bahawa Yang Berhormat sudah berucap lebih 3 minit.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ah! Kalau begitu, saya berhenti dulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta gulung.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

5.23 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, terima kasih. Oleh kerana masa tidak mengizinkan dan Kementerian Pendidikan ini banyak perkara yang perlu ditimbulkan, maka saya hanya ingin tumpu kepada yang pertama, Butiran 010000 – Pentadbiran Am.

Saya ingin bertanya Kementerian Pendidikan sejauh manakah perancangan, kalau sudah pun diambil tindakan, ke arah menjadikan negara kita sebagai pusat pengajian di peringkat antarabangsa ataupun pusat pengajian yang terkemuka di kalangan negara Asia-Pacific sebagaimana cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah jawatankuasa di peringkat tertinggi sudah ditubuhkan ataupun perkara ini sudah dibincang di peringkat Jawatankuasa Kabinet ataupun sejauh manakah perancangan yang saya maksudkan tadi telah dibuat? Kerana, saranan ini penting untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian yang terkemuka dan kita mempunyai kemampuan yang cukup dan kita boleh menyelamatkan pengaliran wang yang banyak dan ianya dalam konteks “nation building”. Ini merupakan direction yang betul dalam konteks mencapai Wawasan 2020 apabila negara kita dijadikan pusat pengajian tinggi yang bukan sahaja didatangi oleh pelajar-pelajar di kalangan negara ASEAN tetapi juga daripada negara Afrika dan dari serata dunia sesuai dengan Malaysia yang akan menjadi pusat pengajian tinggi.

Cuma langkah ini telah dimulakan tanpa perancangan apabila Kerajaan membenarkan banyak kolej-kolej swasta mengadakan Program Berkembar (Twinning Programme) dengan universiti-universiti luar. Ini juga satu perkembangan baik tetapi saya ingin meminta Kementerian Pendidikan supaya menyemak balik perkembangan ini supaya dalam kita mahu menjadikan Malaysia negara yang maju tetapi dalam konteks kepentingan nasional iaitu perbezaan pelajar dari segi kaum, kita dapati di sekolah-sekolah swasta seumpama ini, jarang sangat pelajar-pelajar bumiputera boleh belajar oleh kerana masalah kewangan dan seumpamanya. Dalam perspektif itu, saya ingin bertanya Kementerian Pendidikan mengenai dengan rancangan dan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perkara yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 010300 – Pengurusan Personel. Ini penting kerana sekarang ini ialah zaman ataupun masa penyelarasan SSB. Saya ingin membawa masalah ini secara umum dalam Dewan yang mulia untuk maklumat dan response daripada Kementerian Pendidikan kerana masalah penyelarasan SSB, khususnya masalah kenaikan pangkat guru-guru di peringkat sekolah rendah ataupun menengah.

Saya menerima banyak aduan ber-sabit dengan masalah proses kenaikan pangkat ini. Ianya rumit tetapi antara yang dibuat ukurannya ialah apa yang disebut kenaikan melintang, mendatar, menegak dan macam-macam lagi. Terutamanya di sekolah-sekolah rendah, penilaian prestasi itu diletakkan kepada Guru Besar. Guru Besar menentukan prestasi seseorang guru.

Kita ini manusia, Tuan Pengerusi. Inikan pula apabila kita memberi kepada seorang Guru Besar kuasa untuk menilai

prestasi. Sedangkan di sekolah rendah ini pula, guru-guru sekolah rendah diizinkan berpolitik berbeza dengan guru-guru sekolah menengah yang dalam kategori A tidak diizinkan berpolitik. Tetapi guru sekolah rendah termasuk Guru Besar dan juga Pegawai Pendidikan Daerah di peringkat jajahan boleh berpolitik. Oleh kerana penglibatan politik mereka ini, kita dapati apabila mereka mengemukakan laporan prestasi, ada sesetengah sekolah saya mendapat maklum balas, mereka yang mungkin tidak sebulu maka tidak diberi markah tinggi – 60 atau paling tinggi 70.

Ini saya tidak mahu pergi kepada detail tetapi cukup saya katakan, kalau Yang Berhormat hendak maklumat ini, saya boleh beri maklumat secara terperinci. Tetapi perkara ini berlaku dan saya minta Kementerian Pendidikan supaya sensitif dengan perkembangan seperti ini kerana ianya boleh mengurangkan motivasi guru-guru.

Manakala dari segi SSB sekarang ini bergantung kepada kelulusan. Ini satu perkembangan yang saya kira susah juga kita hendak membuat ukuran tetapi dulu kita asaskan kepada lama khidmat. Orang yang lama berkhidmat maka dia dinaikkan Guru Besar, Penolong Kanan ataupun seumpamanya. Sekarang ini oleh kerana keadaan sudah berbeza, kita bergantung kepada prestasi, masuk golongan-golongan yang muda, ada setengah-setengahlah, saya tidak generalized, certain cases, di mana apabila mereka masuk, mereka diberi jawatan. Tinggal lagi guru-guru yang lama berkhidmat – 10, 15 atau 20 tahun, apa rasa mereka apabila diketuai oleh orang yang baru sangat menjadi Guru Besar. Tentulah guru-guru yang berkhidmat 20 tahun atau 30 tahun ini merasa tidak senang hati, payah hendak hormat (respect).

Saya terus kepada point, sebab approach saya agak berbeza dengan approach Yang Berhormat Padang Terap – dia orang falsafah – saya direct to the point. Saya hendak sebut satu contoh lagi. Ini berlaku sebab saya ahli PIBG sekolah anak saya, di Taman Melawati, mungkin saya tidak dapat sebut tadi, mungkin juga berlaku di kawasan saya. Tetapi saya hendak sebut di sekolah tempat anak saya belajar di Sekolah Menengah Taman Melawati. Sekolah ini baru ditubuhkan dan kebetulan sekolah ini di hadapan rumah saya. Guru Besarnya seorang perempuan dan saya boleh sebut nama, Puan Nik Faridah Hanan binti Adib. Waktu sebelum sekolah dibuka, dulu saya bertanya, “Siapa Guru Besar?” Tiada orang hendak menjadi Guru Besar. Pagi, petang dan malam saya tengok dia ada dekat sekolah. Dia perempuan, bekerja bukan main tekun. Prestasi sekolah dalam masa setahun-dua meningkat. Apabila keluar penyelarasan ini, baru-baru ini beliau ditukarkan menjadi Penolong Kanan di sekolah lain, di Sekolah Menengah Hulu Kelang tetapi mengajar di sebelah petang sebagai Penolong Kanan Petang. Sebab apa? Sebab hendak bawa orang lain mari sekolah ini.

Mula-mula saya dapati calon lain hendak datang ke sekolah ini, sebab ada perubahan di peringkat-peringkat sekolah lain. Ada satu calon hendak bertukar ke sekolah lain. Maka akibat daripada hendak letak jawatan ini di situ, maka berubah habis sekolah-sekolah lain, melibatkan 5 – 6 buah sekolah. Akhir sekali mungkin “kabel” Guru-guru Besar 2 – 3 buah sekolah ini kuat, maka tidak jadi orang ini bertukar. Calon yang hendak pergi ke sekolah lain datang ke sekolah ini, dia juga bertukar.

Saya bertahankan dari segi prinsip. Sebab apabila saya tahu – kerana perkara-perkara macam ini saya cukup

pantang – saya cukup pantang. Sebab ini bukan sahaja soal keadilan, tetapi soal prestasi, soal motivasi. Saya tidak dihubungi oleh Guru Besar ini untuk membela beliau. Saya hanya dapat tahu daripada ibu bapa secara tidak rasmi. Jadi, akhir sekali kita tengok orang-orang yang berkhidmat dengan gigih, tidak dapat pembelaan. Memang timbul masalah kedudukan gred di sekolah itu, 'Sekolah Gred B', tetapi kalau hendak ditukarkan juga, ada orang lain yang teringin sangat hendak duduk di situ, hendak mengambil tempat yang orang sudah bina dengan begitu baik, carilah sekolah lain ataupun hantar dia ke sekolah yang juga 'Sekolah Gred B' – bertaraf Guru Besar. Kenapa hendak diberi Penolong Kanan? Kalau tidak kena atas batang hidung kita, tidak apa. Kena ke batang hidung kita, kita pun terasa. Ini adalah masalah motivasi di peringkat sekolah-sekolah.

Jadi kita perlu beri pembelaan. Saya rasa tidak wajar dibiarkan. Bila saya sebut perkara ini, saya cuma angkat perkara ini untuk makluman. Akhir sekali peringkat Pendidikan Negeri marah pula kepada guru ini kerana dibawa campur tangan kepada pihak-pihak politik. Soalnya kalau perkara ini betul-betul berlaku, saya minta pihak Kementerian Pendidikan membuat penyelidikan yang rapi, buat siasatan mengenai dengan kes ini, sebab ini mungkin salah satu daripada kes yang banyak, terlibat dalam masalah perantaraan Guru-guru Besar.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebut perkara yang sama dengan masalah awal tadi, yang umum iaitu masalah membuat penilaian. Saya harap, kalau boleh di peringkat sekolah-sekolah rendah dari segi penilaian ini, tidak boleh diserahkan kepada Guru Besar semata-mata. Apa kata kalau dibentuk Jawatankuasa Guru Besar – Pengerusi PIBG dan dikirakan

mudah dari segi operationalnya, mekanismenya bagi menentukan guru-guru yang berprestasi baik, bukan guru-guru yang ada kabel yang kuat. Ini hendaklah dijaga dari segi tahap kecemerlangan pendidikan di negara kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak bercakap ialah mengenai Butiran 020700 – Pendidikan Prasekolah. Tadi, Ahli Parlimen dari Padang Terap bercakap dari segi soal 'direction', dari segi arah hendak dibentuk kepada anak-anak kita.

Saya juga hendak bercakap dari segi kemudahan infrastruktur, bila diwujudkan prasekolah, seperti TADIKA ini. Ini adalah satu langkah yang baik, tetapi ada perkara yang saya rasa cukup penting.

Saya sendiri kadang-kadang berfikir tidak munasabah bila diwujudkan pendidikan prasekolah ini, digunakan tempat-tempat di Pusat Sumber di sekolah-sekolah. Saya tengok ada beberapa buah tempat, pendidikan prasekolah diadakan di Pusat Sumber ataupun diadakan bangunan tambahan, tetapi tidak ada tandas. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tidak ada kemudahan tandas? Budak-budak yang berumur 5 tahun, 6 tahun, tandas dalam sekolah 'no', budak berumur 5 – 6 tahun ini kalau hendak buang air besar, dia buang air besar di situ sahaja, tidak sempat hendak pergi ke tandas dalam sekolah kerana tidak ada tandas. Saya pernah tengok dengan mata kepala saya sendiri, saya pergi melawat sekolah tersebut – tidak ada tandas

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya dari Pasir Mas. Adakah beliau sedar apabila Kerajaan melaksanakan kelas prasekolah, di sekolah-sekolah kebangsaan baru-baru ini, sebilangan besar sekolah-sekolah yang dipilih itu juga tidak mempunyai bilik darjah yang khusus. Sebab itu kanak-kanak yang dipilih untuk menghadiri kelas-kelas prasekolah ini terpaksa ditempatkan di merata tempat yang ada dan kadang-kadang terpaksa juga membebankan Wakil-wakil Rakyat, sebagai cara 'extortion' supaya kita mengeluarkan peruntukan segera untuk menampung perancangan Kementerian Pendidikan di dalam mewujudkan kelas-kelas pratambahan. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sebab itu kalau kita hendak membuat sesuatu biar perancangan itu sempurna dahulu, kalau kemudahan tidak cukup, kita hendak mula dengan macam-macam program, akhir sekali tandas pun tidak ada untuk budak-budak ini. Digunakan tandas yang sedia ada dalam bangunan sekolah.

Saya katakan tadi sama juga seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen dari Parit Sulong, kelas tidak cukup. Jadi, saya minta supaya perkara ini dikaji semula oleh pihak Kementerian Pendidikan. Selain daripada kurikulum, dasar, bentuk pendidikan dan sebagainya. Sebab pendidikan prasekolah seperti TADIKA ini, Tuan Pengerusi, tumbuh macam cendawan, menggunakan masing-masing punya konsep, masing-masing punya *input*, masing-masing punya kurikulum, macam-macam kumpulan, macam-macam ragam. Ada TADIKA yang mengajar budak-budak bermain muzik sahaja. Ada TADIKA yang mengajar budak-budak menyanyi tanpa

muzik. Ada TADIKA yang mengajar budak-budak bermain gelongsor. Kalau prasekolah ini saya difahamkan tidak boleh mengajar "A, B, C", hanya di-himpun budak-budak ini untuk bersuka-suka di sekolah, bergelongsor sana, bergelongsor sini. Akhir sekali, ada ibu bapa tengok: "Anak aku hantar ke sekolah TADIKA kepunyaan Kerajaan, tidak boleh membaca A, B, C". Dia bawa keluar dan masuk ke TADIKA sekolah swasta, sebab pendidikan prasekolah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan ini hanya untuk main-main sahaja. Untuk main-main di rumah pun boleh. Kalau hendak wujudkan bentuk pendidikan, saya setuju dengan Ahli Parlimen dari Padang Terap ini, Tuan Pengerusi, sebagai urutan kepada apa yang dibangkit oleh beliau.

Seterusnya mengenai Butiran 040000 – Kebajikan Penuntut-penuntut. Butiran seterusnya kita lihat Kerajaan memang cukup bermurah hati dalam memberi kemudahan pendidikan kepada anak bangsa kita, bukan sahaja dari segi bentuk biasiswa, asrama, buku teks, makanan, biasiswa dan dermasiswa, penyeliaan dan macam-macam yang berjumlah di sini RM547,966,200. Dalam pada banyak-banyak ini saya hendak minta Kementerian Pendidikan daripada pemberian-pemberian ini, iaitu satu perkara yang kita harus timbang kerana sudah sampai waktunya, pemberian bantuan pakaian diadakan untuk murid-murid miskin. Ini buku teks kita sudah beri, kemungkinan bersama-sama kemudahan seperti basikal.

Kita lihat perbelanjaan di Butiran 040300 – Asrama berjumlah RM278,107,700, tidak ramai kita boleh ambil pelajar-pelajar duduk di asrama penuh, bilangan pelajar cukup ramai. Jadi, bagi pelajar-pelajar yang tidak ada tempat di asrama penuh, Maktab Rendah Sains MARA ataupun seumpamanya,

walaupun mereka dapat 4A di peringkat UPSR ataupun di peringkat PMR dan sebagainya. Mereka juga berhak, sebab bila sudah masuk ke asrama mereka mempunyai kemudahan belajar di situ, duduk di situ, tidur di situ, makan di situ, semuanya dijaga. Yang tidak dapat kemudahan ini terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar. Sekolah di luar bandar sampai ada yang jauhnya 3 kilometer, 4 kilometer, 5 kilometer. Anak-anak orang yang berada sekarang ini – okay, kalau ada kereta Proton Saga – okay, kalau ada motosikal – okay. Anak orang miskin berjalan kaki, di tempat saya ramai lagi dan orang miskin hendak beli basikal sebuah yang berharga RM150 pun tidak mampu.

Saya ingin mencadangkan supaya pemberian basikal diadakan untuk pelajar miskin, walaupun bukan semua, tetapi ditumpukan kepada pelajar-pelajar yang termiskin melalui program Kementerian Pendidikan. Sekarang ini pun ada Wakil Rakyat yang beri melalui cara-caranya sendiri, lain-lainpun ada. Tetapi program Kementerian Pendidikan ini hendaklah diadakan termasuk pakaian sekolah. Ada kanak-kanak sekolah, Tuan Pengerusi, yang selama 3 tahun tidak tukar pakaian sekolahnya, walaupun buku teks lebih penting, makanan penting, tetapi pakaian juga penting. Sebab bagi pelajar miskin, kalau mereka tengok pelajar-pelajar lain tukar pakaian baru, bawa basikal pergi ke sekolah, dia ada 'inferiority complex'. Ini yang ditimbulkan 'inferiority complex' tadi. Dia merasa dirinya terasing, ibu bapanya miskin, dia terasa dia tidak ada basikal, dia tidak ada pakaian sekolah. Jadi, timbul 'inferiority complex' sejak kecil-kecil lagi, sebab itu dia menjauhkan diri, dia rasa dia ini kurang segala-galanya. Tetapi bila hendak beri, beri kena pada sasaran yang betul.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak gulung ini, Tuan Pengerusi.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak timbulkan Butiran 020500 – Pendidikan Khas. Saya tengok dalam 'Pendidikan Khas' di Jajahan Pasir Mas, tetapi bukanlah kawasan saya, di Rantau Panjang akan diwujudkan sekolah 'Pendidikan Khas' yang belanja peruntukannya sebanyak RM4 juta. Saya hendak tanya bila ianya akan dibina, sudah lama saya dengar cadangan ini, tetapi dari segi perancangan dan pelaksanaannya bila, kalau boleh saya hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ianya akan dilaksanakan tahun ini juga?

Sebab kalau berharap kepada pihak-pihak lain, mungkin tidak upaya. Saya minta supaya Pendidikan Khas ini yang dirancang di kawasan Jajahan Pasir Mas dan Rantau Panjang dapat dipercepatkan. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Bharu.

5.41 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010000, muka surat 158 di bawah Program 010900 – Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan lain-lain, khususnya mengenai peruntukan kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita harus mengaluk-alukan penambahan peruntukan kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat daripada RM20 juta kepada RM35 juta. Berhubung dengan ini, saya ingin tahu,

apakah pihak Kerajaan telah membuat satu kajian mengenai keperluan rakyat Islam terhadap pendidikan agama Islam melalui sekolah-sekolah agama yang bermutu?

Lebih dari 55% rakyat Malaysia terdiri daripada orang Islam, maka tentulah keperluan terhadap pendidikan Islam harus diambil berat. Maka saya mencadangkan supaya peruntukan sebanyak RM100 juta sebagai satu angka yang lebih munasabah. Itu pun hanya merupakan lebih sedikit daripada 1% sahaja daripada peruntukan RM9 bilion atau RM9,000 juta untuk pembangunan di bawah Kementerian Pendidikan. Peruntukan yang dicadangkan oleh Kementerian sebanyak RM35 tidak sampai pun 0.5%. Saya berharap pihak Kerajaan lebih ikhlas di dalam memenuhi keperluan rakyat. Tambahlah peruntukan sehingga RM100 juta kepada Sekolah-sekolah Agama Islam Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyen-
tuh Butiran 020000 iaitu Program 020600. Pada keseluruhannya, mutu pendidikan agama Islam yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan kurang memuaskan. Setelah bertahun-tahun mempelajari agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan, masyarakat Islam kini tercemar dengan masalah keruntuhan akhlak di kalangan anak muda Islam, sehinggakan terpaksa diakui, di kalangan penagih dadah anak muda Islamlah yang paling ramai. Kita juga turut terhina apabila kes-kes pem-
buangan anak berlaku dalam masyarakat Islam.

Selain daripada itu, saya juga mempertikaikan mutu pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan kerana tidak diwajibkan pelajar-pelajar Islam mempelajari Bahasa Arab sedangkan Al-Quran teras agama Islam, adalah di

dalam Bahasa Arab. Maka timbullah masalah ramai rakyat Islam Malaysia yang berpendidikan termasuklah yang berpendidikan tinggi tidak mampu memahami apa yang dibaca semasa sembahyang, kerana bacaan adalah dalam Bahasa Arab.

Tuan Pengerusi, sekolah-sekolah kebangsaan juga tidak mewajibkan semua pelajar-pelajar Islam khatam Al-Quran seolah-olah Kerajaan tidak mempedulikan sama ada rakyat Islamnya mempunyai pendidikan asas Islam yang kukuh ataupun tidak. Sudah sampai masanya Kerajaan mewajibkan Bahasa Arab dan khatam Quran kepada setiap pelajar Islam. Segala galakan dan kemudahan haruslah disediakan kepada sekolah-sekolah bagi memudahkan pelajar-pelajar mencapai pendidikan asas Islam yang kukuh.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa Kerajaan bercita-cita menjadikan negara kita ini negara industri. Salah satu keperluannya ialah, rakyat mestilah fasih dalam Bahasa Inggeris kerana ia merupakan bahasa antarabangsa, bahasa 'commerce' dan bahasa industri. Berbagai-bagai usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk menggalak rakyat menguasai Bahasa Inggeris termasuk mewajibkan pelajar-pelajar mempelajari Bahasa Inggeris. Saya sendiri akui bahawa Bahasa Inggeris menjadi sebatu dengan diri saya kerana usaha-usaha Kerajaan sangat berkesan. Maka saya yakin, Kerajaan, jika ia berminat, memang mampu menjadikan Bahasa Arab sebatu dengan rakyat Islam Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga turut mengalu-alukan hasrat Kerajaan menjadikan negara ini Pusat Pendidikan. Sehubungan ini, ingin saya bertanya kepada Menteri, apakah negara ini telah men-

capai status 100% literacy? Bolehkah semua rakyat dewasa membaca dan menulis? Jika belum, berapa peratuskah rakyat dewasa yang belum literate atau yang boleh membaca dan menulis? Apakah benar jumlah mereka yang tidak boleh membaca dan menulis lebih ramai di kalangan wanita dan di kalangan rakyat yang tinggal di luar bandar dan kawasan pedalaman? Apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah pendidikan ini?

Saya suka mencadangkan kepada Kementerian supaya bekerjasama dengan Kementerian Luar Bandar dan juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk memastikan wanita yang buta huruf dan rakyat lain yang masih buta huruf, khususnya mereka yang hidup di kawasan pedalaman tidak terus ketinggalan. Peringkat awal kemerdekaan dahulu ada kelas dewasa. Tidakkah mungkin pihak Kementerian Pendidikan bersama-sama Kementerian-kementerian lain berikhtiar bersungguh-sungguh supaya semua rakyat berpendidikan dan berilmu? Saya minta Kementerian mencari jalan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, bukan yang baru, tetapi bekas Timbalan Perdana Menteri – saya ucap tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah sekali gus menjadi Timbalan Perdana Menteri – baru-baru ini bekas Timbalan Perdana Menteri telah melawat Korea Utara. Saya difahamkan negara itu wujud setahun, dua terlebih dahulu daripada negara kita. Majoriti rakyatnya buta huruf dan dari kalangan wanita, saya difahamkan, 85% buta huruf. Tetapi di dalam tempoh 20 – 25 tahun sahaja negara itu telah mencapai 100% literacy melalui usaha Kerajaan yang agresif. Tidakkah patut pihak Kementerian membuat kajian bagaimana negara-negara lain boleh mencapai 100% literacy di kalangan

rakyat masing-masing supaya negara kita boleh menuju ke arah matlamat menjadi pusat pendidikan?

Tuan Pengerusi, sebagai mengakhiri, suka juga saya menyentuh objektif Kementerian pada muka surat 277, Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1994. Pada pendapat saya, objektif yang pertama yang berbunyi: “Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatupadu” harus dipinda perkataan “Melahirkan bangsa Malaysia” kepada “Melahirkan Warganegara Malaysia”, kerana saya bimbang, kalau hendak diwujudkan bangsa Malaysia, apakah bangsa Melayu, Cina, Iban, India, Kadazan akan lenyap? Ambil contoh Amerika Syarikat, dia ada bangsa Amerika Syarikat, tetapi warganegara Amerika Syarikat keturunan Inggeris, keturunan Peranchis, keturunan German, Greek, Italy, Afrika, China, Jepun dan lain-lain bangsa.

Merujuk pula dalam objektif yang sama, iaitu kepada hasrat mewujudkan “taat-setia”, kalau “taat-setia kepada negara”, saya sangat bersetuju dan berharap pihak Kementerian memastikan pengertian taat-setia kepada negara tidak diselewengkan sehingga parti Pemerintah diberi pengertian negara. “Tidak setia kepada parti Pemerintah” tidak bermakna ataupun tidak harus disamakan dengan “tidak setia kepada negara”. Begitu juga, jika mengkritik Kerajaan sama ada di dalam negeri atau di luar negeri, tidaklah pula bermakna tidak taat-setia kepada negara. Kementerian harus memastikan rakyat dididik supaya matang dalam hal ini, tahu membeza di antara parti politik dan Kerajaan dan antara Kerajaan dan negara.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat objektif pertama harus dijadikan objektif kedua. Dan yang kedua diutamakan, iaitu saya bacakan,

“Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan sejahtera”. Saya mencadangkan supaya ia diubah kepada objektif pertama, disusun semula, kerana ini sesuai dengan Rukun Negara yang meletakkan kepercayaan kepada Tuhan di tempat yang utama mengatasi rukun-rukun yang lain. sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila Kepong.

Seorang Ahli: (Menyampuk)

5.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tak buang masa, Tuan Pengerusi. Itu kacau sahaja.

Tuan Pengerusi, muka surat 157 – Butiran 010000, muka surat 158 – Butiran 020000, muka surat 162 – Butiran 060000, muka surat 163 – Butiran 070000, muka surat 164 – Butiran 080000, semua sekaligus.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu tadi, objektif-objektif Menteri Pendidikan itu ada empat. Di antaranya memang untuk memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia. Ini memang satu objektif yang baik. Saya ada mengkaji prestasi yang terkandung di dalam aktiviti-aktiviti Kementerian Pendidikan. Tetapi saya hendak menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah Akta Pelajaran 1961 dapat dipinda, kerana ini telah digubalkan sejak 32 tahun yang lampau, dan di dalam tiga dekad sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah, kolej atau universiti keadaan telah berubah-ubah dengan sangat banyak. Dengan demikian, kita perlulah ada satu Akta Pendidikan yang baru, selaras dengan

kehendak zaman dan secukupnya dengan keperluan negara. Sejak lima tahun yang lampau pihak Kementerian ada menyatakan kehendaknya untuk meminda Akta tersebut. Akan tetapi sehingga sekarang pindaan ke atas Akta itu ataupun Akta yang baru belum lagi dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Bilakah Akta yang baru ini akan dibentangkan? Itu yang pertama.

Yang keduanya, mengenai perkembangan di universiti-universiti dan kolej-kolej. Setakat ini kita mempunyai 172 kolej swasta yang didaftarkan dan juga universiti-universiti yang baru. UNIMAS pun telah ditubuhkan di negeri Sarawak dan kita berharap semua negeri di negara ini akan mendapat sekurang-kurangnya sebuah universiti, walaupun ada cawangan-cawangan Universiti Pertanian, Universiti Sains di Kubang Kerian, Kota Bharu, Universiti Teknologi di Skudai dan sebagainya – memang ada cawangan-cawangan ini. Sepertimana yang dibuat di negeri Sarawak, kita perlulah meningkatkan taraf kolej-kolej atau cawangan-cawangan ini kepada status universiti, kerana bilangan penduduk Malaysia telah meningkat lebih 18 juta. Kita perlukan lebih banyak universiti-universiti untuk menampung keperluan kita.

Sementara itu, kita mesti memindahkan Akta Kolej dan Universiti Kolej kerana ini sudah lebih dua dekad Akta ini tidak dipindahkan. Semasa ia dibentangkan dan diluluskan di dalam Dewan Rakyat ini, lebih dua dekad yang lalu, memang keadaan tidak serupa dengan sekarang. Peluang yang lebih hendaklah diberi kepada warganegara Malaysia untuk menuntut di universiti-universiti. Begitu juga kemudahan-kemudahan dan peluang harus diberi kepada universiti-universiti antarabangsa yang terkemuka untuk menubuhkan cawangan-cawangannya di Malaysia. Ada

ura-ura satu dua buah universiti yang terkemuka akan menubuhkan cawangan di sini. Kalau itulah yang benarnya, ini merupakan satu trend yang baik.

Saya berharap dengan pindaan-pindaan ke atas kedua-dua Akta tersebut, lebih banyak kolej swasta dan juga universiti swasta dapat dibina di negara ini sejajar dengan kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan bagi negara-negara Komanwel dan Asia. Ini satu hasrat yang baik, Tuan Pengerusi dan pihak DAP pun setuju. Tetapi untuk mencapai tahap pusat pendidikan cemerlang di rantau ini bagi pelajar-pelajar negara-negara Komanwel, kita mesti membuat pindaan ke atas Akta-akta yang berkenaan dan juga memperbaiki keadaan yang wujud di negara ini.

Misalnya, Tuan Pengerusi, mengenai guru-guru besar ataupun pengetua-pengetua di semua aliran dan di seluruh negara. Di sini saya hendak menekankan bagi guru-guru besar dan pengetua-pengetua yang berdedikasi dan guru-guru yang berdedikasi, bersih, cekap dan beramanah – saya tidak ada maksud ataupun niat yang jahat terhadap mereka. Bahkan saya menghormati kepada semua guru dan guru besar dan pengetua yang berdedikasi, bersih, cekap dan amanah. Kita perlu wujudkan semula keadaan di mana pelajar-pelajar menghormati kepada guru dan guru-guru benar-benar sayang dan memberi pendidikan yang sewajar kepada murid-murid dan pelajar-pelajar di negara ini. Saya nampak ada kekurangan sedikit mengenai semangat untuk menghormati guru. Sebelum ini semangat itu sangat tebal. Pada akhir-akhir ini ada kekurangan sedikit dan pihak Kementerian mesti berusaha untuk memperbaiki keadaan ini. Kerana saya diberitahu ada segelintir guru besar yang menyeleweng – “kerana seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit”.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu ada sindiket – saya tekan sekali lagi, pegawai-pegawai yang jujur, ikhlas, bersih, cekap dan beramanah di Kementerian dan Jabatan Pendidikan, saya hormati. Cuma segelintir sindiket. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyangkal, menafikan ada insiden ataupun peristiwa seperti ini, memang ada sindiket.

Walau bagaimanapun, ada sindiket untuk menawar kepada guru-guru yang berhasrat menjadi guru besar ataupun pengetua. Guru-guru ini walaupun tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang cukup dan prestasi yang baik, mungkin boleh membayar wang sogokan, wang kopi “o” untuk menjadi guru besar atau pengetua.

Tuan Pengerusi, sebab apa mereka sanggup menyeleweng dan mencari jalan untuk menjadi guru besar, terutamanya, di sekolah-sekolah kategori “A”, termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Saya diberitahu bahawa sekolah-sekolah seperti ini memberi peluang keemasan kepada guru besar kerana mereka boleh mendapat pelbagai komisen daripada buku-buku teks, buku latihan dan sebagainya dan pihak

Tuan Chian Heng Kai: Minta penjelasan. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sama ada beliau ada mendengar, ada orang kata bahawa ada segelintir guru-guru yang masuk MCA dan GERAKAN supaya mereka boleh menjadi guru besar di sekolah tersebut?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam memang bercakap perkara yang benar. Saya pernah membawa ke dalam Dewan yang mulia ini mengenai guru besar yang berkempen untuk MCA. Saya pernah – pada tahun 1982 di Bercham

dan Kampung Simee, saya nampak dengan mata saya sendiri, guru besar!. Memanglah ada segelintir guru yang hendak menjadi guru besar atau pengetua, dan bersubahat dengan MCA.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Yang Berhormat, Arau minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ada seorang guru besar namanya saya lupa, tetapi guru besar Sekolah Tamil yang berkempen secara terbuka untuk DAP. Apa Yang Berhormat hendak kata? Di Perlis, semua orang tahu siapa dia itu. Saya lupa nama, tetapi tangannya cacat sebelah.

Dr. Tan Seng Giaw: Perlis – macam mana Arau ‘benge’ macam itu? Di Perlis DAP tidak pernah bertanding. Macam mana Yang Berhormat Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Dia bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia serkap jarang begitu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Guru Besar ini asalnya orang Perlis, tetapi berkempen di Bukit Mertajam. Akhirnya ditukarkan ke Perlis. (Ketawa)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, masa tidak cukup, saya hendak bongkarkan (Sorak). Kita boleh mengemukakan nama untuk mengambil tindakan, giliran DAP kita tidak takut. Kita mengemukakan nama dan mengambil tindakan dengan sewajarnya. Itu tidak payah, cakap sahaja, serkap jarang, buah kedempong! (Ketawa)

Tuan Pengerusi, di sekolah-sekolah seperti yang saya sebutkan tadi, segelintir guru-guru besarnya boleh men-

dapat komisen yang lumayan. Pihak saudagar boleh mendidik mereka cara untuk mendapatkan komisen. Dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ini, kita hendak meringankan dan mengurangkan buku-buku teks dan sebagainya, sehingga murid-murid tidak payah membawa buku yang banyak. Tetapi sebaliknya sekarang kita nampaknya ramai murid-murid membawa buku yang banyak sehingga bengkok! Tetapi kebanyakan buku teks dan buku latihan itu tidak digunakan.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Rompin bangun, Yang Berhormat.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan Yang Berhormat. Saya hendak tanya apa yang bengkok ini? Bongkok atau bengkok? Atau perkara lain yang bengkok? (Ketawa)

Dr. Tan Seng Giaw: Bengkokkah atau bongkokkah, ada jugalah. Bongkok pun boleh. Tampin memang tidak setuju dengan kita.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Rompin, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Injury time, saya tidak cukup masa, ada banyak perkara lagi hendak bangkit dan mengenai komisen-komisen yang saya diberitahu, yang didapati oleh segelintir guru-guru besar ini adalah sangat lumayan. Buku-buku teks serta buku-buku latihan, ini sebenarnya tidak payah dibeli oleh murid-murid, kadangkala digalak dan dipaksa untuk dibeli dengan

harga yang melambung naik. Di sekolah-sekolah banyak kerusi-kerusi, bangku-bangku, meja-meja sekolah, kantin dan sebagainya – banyak lubang untuk mendapatkan komisen. Inilah caranya.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian menubuhkan satu jawatankuasa siasatan untuk mengkaji penyelewengan di seluruh negara seumpama itu untuk mengetahui setakat mana kecurangan seperti ini berlaku kerana kita hendak mendidik warganegara yang mempunyai moral dan etika yang tinggi. Macam mana kita boleh berbuat demikian kalau guru-guru besar atau pengetua-petgetua sendiri curang! Kita tidak boleh dan saya berharap Yang Berhormat Padang Terap juga tidak setuju. Adalah baik jika pihak Kementerian menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat hal-hal seumpama ini yang saya diberitahu telah berlaku bertahun-tahun, kalau tidak silap saya berdekad-dekad. Macam mana kita boleh menjadikan negara Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang di dunia kalau hal seperti ini berlaku. Ini patut diambil perhatian untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa ada lagi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah lebih dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua minit lagi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya sudah beri lebih daripada dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi Tuan Pengerusi, oleh kerana ada kekacauan, maka injury time, perlu diberi 10 minit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kawan-kawan ramai yang hendak berucap. Sudah habis, Yang Berhormat. Batang Lupar.

6.07 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, Kepong minta duduk. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membahas sedikit dan saya tidak akan membuang masa macam Kepong, kerana masa kita bukan panjang sangat untuk dibuang.

Saya ingin merujuk kepada muka surat 157, Butiran 010000 di bawah Pentadbiran Am. Saya memang berulang kali bercakap soalan ini, iaitu keadaan sekolah luar bandar di Sarawak. Apa yang dialami di Sarawak, kemungkinan juga mungkin dialami di negeri-negeri lain seperti Sabah di mana adalah jauh perbezaannya daripada sekolah-sekolah luar bandar di negeri-negeri yang lain. Bahkan kambing pun tidak berani masuk sekolah sebab lantainya bengkok-bengkok. Hanya murid-murid di sekolah luar bandar sahaja yang dipaksa masuk ke sekolah seperti itu.

Ada sebuah sekolah di Kampung Batang Maro yang sudah di 'written-off' oleh JKR, Sarawak, tetapi terpaksa digunakan oleh kerana tiada penggantian ataupun bangunan baru dibuat. Saya telah menjemput Menteri sendiri supaya datang untuk melihat tetapi masanya terhad dan tidak ada masa untuk datang. Itu yang pertama. Jadi, saya memintalah kepada pihak Kementerian agar satu tumpuan khas diberi kepada negeri Sarawak.

Soalan pembangunan dan membaik-pulih sekolah-sekolah di luar bandar, kerana di situ letak asasnya pembangunan, terutama sekali orang bumiputera dan orang Melayu yang kebanyakannya duduk di luar bandar.

Jadi, pada saya nampaknya ada satu penganiayaan berlaku kalau tidak diambil tindakan. Saya rasa emotional sedikit soalan ini. Year after year saya telah sebutkan, tetapi belum ada perubahan pun. Bangunan sekolah yang digunakan untuk pilihanraya tahun 1990, kalau saya tidak pohon wang untuk tahun 1992, tidak diperbaiki pun – runtuh, 30 orang luka, seorang patah tangan masuk hospital. Saya tulis surat kepada Kementerian Pendidikan di peringkat daerah, apakah tindakan? Surat pun tidak dijawab.

Jadi, soal Ph.D, Harvard, Oxford dan Cambridge itu patut dikemudiankan pada pendapat saya. Yang di luar bandar ini diutamakan dahulu. Jangankan kata Harvard, UNIMAS pun tidak nampak tangga nanti.

Saya ada tulis satu surat lagi. Ada satu sekolah di kawasan saya. Sekolah itu bernama Kampung Selangking. Orang yang duduk di sana kebanyakannya berketurunan daripada Bugis dan Jawa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak minta jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Penjelasan. Bermakna kemudahan yang ada di kawasan Yang Berhormat ini lebih teruk dari kawasan di Keponglah. Berhaklah Yang Berhormat bercakap, tetapi mengapa Kepong yang beria sangat walaupun kemudahan sekolahnya lebih baik dari kawasan Yang Berhormat?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasihlah saudara saya dari Rompin. Memang Kepong sibuk macam

itu. (*Ketawa*) Dia selalu sibuk. Sepatutnya, kawasan dia itu diubah namanya kepada "Sibuk" – kawasan "Sibuk". (*Ketawa*) Jadi, saya memang fahamlah yang dia sebut itu.

Kembali saya kepada kampung yang saya sebutkan tadi, iaitu Kampung Selangking yang memberi kemudahan kepada lebih kurang 8 buah kampung yang berdekatan. Budak-budak yang berumur dari 6 tahun berjalan kaki lebih kurang di antara 45 minit ke $\frac{3}{4}$ jam pergi ke sekolah itu.

Saya pernah menulis surat kepada Pegawai Pendidikan Daerah meminta agar satu syor dibuat kepada Kementerian supaya sekolah itu dibuat asrama untuk memberikan kemudahan kepada lebih kurang 100 anak murid supaya mereka tidak payah berjalan kaki selepas subuh sampai ke sekolah untuk menuntut di sekolah tersebut. Maklumlah budak di kampung, lebih kecil dari budak di bandar kerana mungkin under-nourished, keluarganya kurang kaya, makanan kurang cukup, badannya pun kecil. Jadi, yang kecil ini kalau berjalan tidak nampak. Kalau kita menyangkul dalam parit, dia berjalan di atas jalan itu tidak nampak kerana kecil sangat. Jadi, bunyi cerita saya ini jenaka sedikit, tetapi ini serius. Tanyalah budak-budak yang berjalan itu. Saya pernah berjalan di tempat itu.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada satu perkara yang juga tidak kurang pentingnya iaitu muka surat 162, Program/Aktiviti 050100 - Perancangan Pendidikan.

Ini sudah disyorkan sebagai satu dasar pembangunan pendidikan di negara kita sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah mengajukan, tetapi apakah tindakan yang

telah kita susuli untuk merealisasikan syor-syor yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, kerana syor ini adalah sangat penting dan baik sekali. Kerana kalau kita pandang, kita boleh gunakan industri pendidikan di negara ini sebagai satu industri yang besar dan mendatangkan keuntungan kewangan yang banyak kepada negara. Ini boleh dilakukan sebagaimana kita menekankan kepada pelancongan. Kalau pelancongan boleh buat, kita pun boleh buat juga tetapi adakah Kementerian Pendidikan sekarang mengambil tindakan? Apakah yang telah kita buat?

Oleh kerana mengikut data, pada tahun 1991 kita hanya ada 1,000 lebih pendatang dari luar negara untuk menuntut di Malaysia dan peningkatannya sampai 300% lebih dari tahun 1992. Oleh kerana masalahnya satu, iaitu kemasukan pelajar dari luar negeri ini hanya masuk UIA kerana medium of instruction di UIA itu menggunakan Bahasa Inggeris dan universiti-universiti tempatan semuanya menggunakan Bahasa Malaysia.

Jadi, soalnya bagaimana hendak mengatasi masalah ini? Bolehkah kita menukarkan medium of instruction di universiti-universiti kita supaya "attract foreign students" datang ke universiti di Malaysia ataupun kita hendak menubuhkan universiti-universiti baru yang menggunakan aliran bahasa berlainan ataupun kita menggubal, sebagaimana Yang Berhormat dari Kepong sibuk sebutkan tadi, sebenarnya dia bersetuju dengan saya.

Saya patut bercakap dahulu, tetapi saya tidak dapat peluang. Sebab saya patut bercakap dahulu, dia bersetuju dengan saya supaya Akta Universiti dan Kolej Universiti itu patut diubahkan ataupun dipinda agar membolehkan

universiti-universiti dari luar negara membuka kampus mereka di sini yang menggunakan aliran bahasa yang boleh digunakan oleh penuntut-penuntut dari luar negeri. Dengan sendirinya nanti, insya–Allah, tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan regional centre of learning di negara kita ini akan juga dapat di-realisasikan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Saya berharaplah dan menekankan kepada pihak Kementerian supaya jangan biarkan cerita ini, jadi hilang begitu sahaja. Kalau kita fikir kita sibuk, kita memang sibuk. If we think that we have time, we will have a lot of time. Jadi, saya berharaplah penekanan ini diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, dengan cepat saya berpindah ke muka surat 159, Program/ Aktiviti 020100 – Pengurusan Pendidikan Rendah dan Menengah.

Sebagaimana yang kita tahu pada tahun ini, pelajar STPM seramai 59,123 orang. Daripada jumlah itu, hanya 5,515 pelajar dalam jurusan Sains. Jadi, dengan sendirinya dapatkah bilangan yang kecil begitu mewujudkan ahli teknokrat, jurutera (engineer) dan sebagainya yang ada hubungkait dengan kejuruteraan dan teknokrat ini untuk Wawasan 2020. Kerana mengikut laporan yang diberi oleh pihak Institute of Engineers, Malaysia, kita akan kekurangan jurutera pada tahun 2000 sebanyak 9,000 orang kalau dilandaskan evaluation prestasi kita pada tahun 1991.

Jadi, dengan sendirinya saya kembali semula kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua, tiga hari lepas saya bertanya soalan mengenai anak Melayu yang dididik dari segi matematik ini. Saya memberi penekanan bukan sahaja kita meningkatkan pengajian

matematik tetapi juga kita meningkatkan pelajar bumiputera dalam mata pelajaran itu. Penekanan mesti dibuat supaya pembangunan orang yang ahli matematik dari aliran Sains itu nanti bukan orang Malaysia sahaja, tetapi termasuk bumiputera itu ditingkatkan bersama. Jangan bumiputera itu ketinggalan di dalam aliran-aliran yang penting sebegini.

Syllabus Sains kita mestilah dikaji semula kerana ada desas-desus mengatakan syllabus Sains itu teruk sangat. Jadi, anak-anak yang sudah kurang maju, kurang mampu, kurang berprestasi dalam soal Sains dan Matematik menjauhkan diri daripada 'Science stream' ini. Jadi, kita hendak menarik minat mereka dan kita mesti membuat satu syllabus yang baru, membuatkan satu penilaian yang baru agar bukan tarikan sahaja dibuat tetapi supaya tidak menyebabkan yang kurang berminat dan kurang maju ini lari dari 'Science stream' yang kita kehendaki untuk kemajuan negara ini meningkat pada tahun 2020.

Jadi, sebagai pengakhiri, Tuan Pengerusi, saya berpindah ke muka surat 162 iaitu dalam Butiran 050000, di bawah Program/Aktiviti 050400 – Bahagian Buku Teks.

Ini saya hendak sentuh mengenai buku teks. Bukan soal kekurangan buku teks yang berlaku di sekolah-sekolah terutama sekali seperti sekolah-sekolah di Sarawak ataupun di luar-luar bandar yang lain, perkara ini memang berlaku. Tetapi soalan yang saya hendak tekankan ataupun sebutkan di sini sedikit ialah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap pada hari semalam mengenai soal sejarah, walaupun cerita saya ini dalam konteks yang lain kerana banyak sejarah yang dibukukan adalah berlainan daripada sejarah yang benar-benar berlaku.

Umpamanya kalau kita nilaikan sejarah di Sarawak, seperti Rentap, Pemotong Kepala, Sharif Mashor, lanun dan sebagainya. Ini banyak ditulis dahulu. Tok nenek saya pun – Sharif Jaafar dahulu dari Lingga pun dikatakan sebagai penyamun juga! (*Ketawa*) Jadi ini daripada sejarah yang ditulis oleh pihak British.

Jadi, kita mesti membuat satu penyelidikan yang khusus dan buku ini digunakan sebagai buku latihan supaya anak cucu kita, murid-murid dari sekolah kita jangan menerima hakikatnya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Adakah 'injury time' untuk ini? (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Saya tertarik Yang Berhormat mengatakan asal salasilah orang tua Yang Berhormat. Kalau asal salasilah Yang Berhormat dari Kepong, macam mana?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ini orang dari Barisan Nasional, kita memang ikhlas, kita jujur dan kita menyebut, kalau betul itu, betul juga, kalau yang salah, salah juga. Tetapi bagi mereka itu, kalau salah itu adalah kesalahan dia, dia diamatkan, kesalahan orang, dia sebut. Kalau dialah berlaku perkara macam itu, memang dia tak sebut pun. Sejarah pun dia akan ubah. Saya hendak mengubah sejarah untuk membetulkan apa yang salah dahulu supaya anak-anak yang belajar di sekolah tidak menerima hakikatnya yang Rentap atau Temenggung dan penghulu-penghulu Iban ataupun orang hulu di Sarawak ataupun pejuang-pejuang bangsa di Sarawak pada ketika itu – pada Abad Ketujuh Belas, kemasukan James Brooke tidak diputarbelitkan menjadi

penyamun, pencuri, pemeras ugut, pengumpul 'tax' atau cukai, bahkan mereka ini adalah pejuang yang memperjuangkan kemerdekaan dan memperjuangkan

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: . . . kebebasan untuk orang di Sarawak. Jadi, telah diputarbelitkan dalam sejarah dan sejarah inilah yang dibaca dan digunakan sebagai satu fakta yang betul dan tepat.

Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Santubong. *(Disampuk)*

6.23 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masih ada besok ya.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Saya ingin merujuk kepada muka surat *(Disampuk)* ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia orang tak sabar. Saya kata besok masih ada perbincangan. *(Ketawa)* Beri peluang kepada Santubong.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Jangan marah! *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, silakan.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Saya ingin merujuk kepada muka surat 160, iaitu di bawah Butiran 020000, Program Aktiviti 020700 – Pendidikan Prasekolah.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian, iaitu bagaimanakah peranan Kementerian Pendidikan mengenai pendidikan prasekolah? Sebab kita ketahui banyak agensi lain yang menjalankan aktiviti prasekolah seperti Jabatan KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga pihak swasta. Jadi, adakah pihak Kementerian mengawasi perjalanan Tabika-tabika ini supaya mereka berjalan selaras dengan dasar dan perancangan yang dibuat oleh pihak Kementerian.

Dinyatakan juga bahawa objektif aktiviti pendidikan prasekolah adalah menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah, khususnya untuk kanak-kanak di kawasan luar bandar dan di kalangan kanak-kanak miskin di bandar. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan di bawah Program Pendidikan Prasekolah ini?

Saya merujuk pula kepada muka surat 162, iaitu di bawah Butiran 050000, Program/Aktiviti 050100 – Perancangan Pendidikan dan juga Program/Aktiviti 050200 – Pengurusan Kurikulum.

Jadi, di bawah Butiran mengenai Perancangan Penyelidikan dan Penilaian Pendidikan ini, saya ingin mendapat tahu daripada pihak Kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi objektif di bawah Butiran ini yang telah disenaraikan? Bilakah masanya keseluruhan Akta Pendidikan Negara akan dikaji semula dan memberi penekanan sejajar dengan kehendak Wawasan 2020 dan juga dengan hasrat untuk menjadikan negara kita sebagai pusat pengajian cemerlang di rantau ini. Saya rasa ramai daripada rakan-rakan lain yang telah menyentuh mengenai hal ini.

Saya juga ingin bertanya bagaimana pula dengan cadangan penubuhan Institut Kajian Strategik Pendidikan (ISPEN). Jadi, hendak ditanyakan di sini mengenai pemilihan siapa harus terlibat di dalam ISPEN? Adalah sangat penting supaya dapat kita membaiki kelemahan-kelemahan dalam sistem pendidikan masa kini dan juga kita seharusnya mengambil kira keadaan di masa akan datang. Apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi kelemahan dalam mata pelajaran sains dan matematik yang banyak disebutkan pada masa kini? Sama ada itu menonjolkan satu kelemahan di dalam sistem pendidikan kita.

Saya merujuk pula kepada muka surat 162, iaitu di bawah Butiran 070000 – Pendidikan Guru, di bawah Program/ Aktiviti 070100 – Pengurusan Latihan.

Peruntukan yang sebegitu besar telah diberikan di bawah Butiran ini. Oleh yang demikian, saya hendak mendapat penjelasan dari segi kualiti pendidikan yang kita harapkan untuk membangunkan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin di masa akan datang. Jadi, di sini kualiti pendidik akan menentukan pula kualiti pendidikan. Oleh yang demikian, saya minta penjelasan daripada Kementerian apakah langkah-langkah yang akan dirancangan untuk mengatasi masalah-masalah yang sedia ada pada masa kini? Sebab, saya rasa Kementerian sedia maklum mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi dari segi kualiti pendidik.

Di bawah P. 26, iaitu Butiran 00800 – Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Saya ingin mengetahui akan pembinaan rumah-rumah guru ini, terutama sekali di luar bandar dan memohon Kementerian untuk memberitahu dari segi agihan di manakah pembinaan ini

akan dijalankan di seluruh negara kita. Jadi, saya juga memohon daripada Kementerian, adakah Kementerian mempunyai satu standard plan untuk membina rumah-rumah guru ini? Kalau tidak, macam-macam jenis rumah-rumah guru ini akan didirikan, terutama sekali di luar bandar tanpa pengawasan daripada pihak Kementerian. Jadi, adakah mempunyai satu standard plan bagi jenis rumah-rumah guru di luar bandar.

Di muka surat 168, iaitu di bawah Butiran 03600 – Program R & D Sistem Komputer. Saya ingin mengetahui dasar-dasar Kementerian mengenai pewujudan kelas atau kelab komputer yang diadakan di sekolah-sekolah. Bolehkah peruntukan-peruntukan ini digunakan untuk tujuan mengadakan kelab-kelab atau kelas-kelas komputer? Kelas-kelas komputer adalah penting pada masa kini dan saya rasa pendedahan mengenai penggunaannya di peringkat sekolah akan memberi satu advantage kepada pelajar-pelajar bila mereka masuk ke peringkat pendidikan tinggi atau bila mereka masuk ke alam pekerjaan, sebab sekarang ini penggunaan komputer adalah berleluasa. Jadi, dengan adanya pendedahan yang awal akan memberi satu advantage yang baik kepada pelajar-pelajar ini. Adakah Kementerian akan merancang memasukkan pendidikan komputer dalam kurikulum sekolah?

Di bawah muka surat 168 juga, Butiran 04000 – Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Saya hendak mengetahui akan pelaksanaan dan perjalanan UNIMAS setakat masa kini dan apakah fakulti-fakulti yang akan ditawarkan di UNIMAS yang berlainan dengan universiti-universiti di tempat lain.

Jadi dengan itu. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Telok Kemang.

6.29 ptg.

Dr. T. Marimuthu (Telok Kemang):

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan saya akan menyentuh atas dua perkara sahaja, iaitu Pendidikan Rendah dan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Pendidikan Rendah telah diperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion. Ini adalah 33% daripada jumlah peruntukan diberi kepada Kementerian Pendidikan. Juga RM5 bilion telah diperuntukkan kepada Pendidikan Rendah dan Menengah daripada RM7.7 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan. Peruntukan ini merupakan sebanyak 23% daripada keseluruhan jumlah Perbelanjaan Mengurus 1994 dibandingkan dengan 9.5% yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan.

Peruntukan yang terbesar ini menunjukkan betapa pentingnya bidang pendidikan untuk menangani cabaran-cabaran yang sedang dan akan wujud menjelang abad ke-21.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kita sambung esoklah. Masa sudah cukup untuk hari ini.

Dr. T. Marimuthu: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.